



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PENERAPAN KERANGKA TAKLIF DALAM FILEM “SEPET” DAN  
“MUALLAF” ARAHAN YASMIN AHMAD**

**NURUL ATIRA BINTI TONYA**

**FBMK 2018 85**



**PENERAPAN KERANGKA TAKLIF DALAM FILEM “SEPET” DAN  
“MUALLAF” ARAHAN YASMIN AHMAD**

Oleh

**NURUL ATIRA BINTI TONYA**

**Tesis ini dikemukakan untuk Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan Ijazah Master  
Sastera**

**Ogos 2018**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan untuk Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan Ijazah Master Sastera

**PENERAPAN KERANGKA *TAKLIF* DALAM FILEM “SEPET” DAN  
“MUALLAF” ARAHAN YASMIN AHMAD**

Oleh

**NURUL ATIRA BINTI TONYA**

Ogos 2018

**Pengerusi : Zulkifli Bin Mohamad**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Tesis ini bertitik tolak dari pengamatan terhadap kajian-kajian ilmiah sedia ada yang berkitar dalam dua persoalan. Pertama, kajian-kajian ilmiah sedia ada rata-rata menunjukkan bahawa penerapan konsep *Taklif* sebagai kerangka analisis berupaya memperlihatkan kedudukan Islam dalam sastera Melayu dan sastera Melayu dalam Islam. Hal ini kerana konsep *Taklif* merupakan kerangka berteraskan Islam. Akan tetapi, kajian-kajian ini hanya menerapkan konsep *Taklif* dalam menganalisis cerpen dan novel. Kedua, kajian-kajian ilmiah sedia ada cenderung mengaitkan filem-filem Yasmin Ahmad dengan Pluralisme Agama. Lebih penting lagi apabila kajian-kajian tersebut menyimpulkan bahawa Pluralisme Agama yang dimanifestasikan dalam filem-filem Yasmin Ahmad adalah sejajar dengan ajaran Islam. Penting untuk dijelaskan bahawa kajian-kajian tersebut tidak menerapkan kerangka analisis yang berteraskan Islam. Hakikat ini mewujudkan ruang bagi penerapan konsep *Taklif* dalam menganalisis filem sebagai medium sastera. Bagi merungkaikan permasalahan di atas, kajian ini menggariskan tiga objektif. Pertama, menyusun Kerangka *Taklif* sebagai kerangka analisis filem. Kedua, meneliti latar belakang Yasmin Ahmad sebagai pengkarya filem “Sepet” (2004), dan “Muallaf” (2009). Ketiga, mengaplikasi Kerangka *Taklif* sebagai kerangka analisis bagi mengkaji filem “Sepet” (2004), dan “Muallaf” (2009) arahan Yasmin Ahmad. Menurut Shah Waliyullah Al-Dihlawi RH, *Taklif* merujuk kepada pembebanan dan kebertanggungjawaban manusia untuk menyembah Allah SWT. Hakikat ini menjadikan setiap aspek kehidupan manusia menjadi satu ‘ibadah’ iaitu penyerahan diri manusia kepada Penciptanya. Dengan pengertian ini, konsep *Taklif* tidak memungkinkan penderhakaan manusia kepada Penciptanya. Berdasarkan konsep *Taklif*, hasil analisis mendapati bahawa filem-filem Yasmin Ahmad cenderung untuk memanifestasikan Pluralisme Agama, iaitu fahaman yang beranggapan bahawa semua agama adalah sama dan benar.

Hasil analisis turut menjelaskan bahawa manifestasi Pluralisme Agama dalam filem-filem Yasmin Ahmad adalah bertentangan dengan konsep *Taklif* yang menjadi kerangka analisis dalam kajian ini.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirements of the degree of Master of Arts

**THE APPLICATION OF TAKLIF'S FRAMEWORK IN FILMS "SEPET" AND "MUALLAF" DIRECTED BY YASMIN AHMAD**

By

**NURUL ATIRA BINTI TONYA**

**August 2018**

**Chairman: Zulkifli Bin Mohamad**  
**Faculty: Modern Languages and Communication**

This thesis was stem from the observations of existing studies which cycled around two issues. First, existing studies evenly showed that application of concept of *Taklif* as analytical framework able to demonstrate the place of Islam in Malay Literature and place of Malay Literature in Islam. This is because the concept of *Taklif* is based on Islam. However, existing studies only applied the concept of *Taklif* in analyzing short stories and novels. Second, existing studies tend to relate Yasmin Ahmad's films with Religious Pluralism. Furthermore, existing studies of Yasmin Ahmad's films also conclude that Religious Pluralism in her films are confirms with the teachings of Islam. As the matter of fact, none of the existing studies of Yasmin Ahmad's films were using Islam-based framework as the analytical framework. This fact creates a platform to use concept of *Taklif* in analyzing films as literature medium. In order to solve this, this thesis outlined three objectives. First, to compile the framework of *Taklif* as analytical framework of films. Secondly, to examine the background information of Yasmin Ahmad as filmmaker of "Sepet" (2004), and "Muallaf" (2009). Thirdly, to apply the framework of *Taklif* as analytical framework in analyzing "Sepet" (2004), and "Muallaf" (2009). According to Shah Waliyullah Al-Dihlawi RH, *Taklif* refers to imposition and accountability of human to worship Allah SWT. This fact makes every aspect of human life as 'worship'; the submission of man to the Creator. With this notion, the concept of *Taklif* does not allow human transgressions to his Creator. Using this framework, this thesis shows that Yasmin Ahmad's films tended to manifest Religious Pluralism, a thought that believes all religion are the same and true. The result of this thesis also shows that manifestation of Religious Pluralism in Yasmin Ahmad's films are contrary with the concept of *Taklif* as analytical framework of this thesis.

## PENGHARGAAN

### الحمد لله رب العالمين

Segala puji bagi Allah SWT atas kesempatan dan izin-Nya, saya mampu memulakan dan menyelesaikan penulisan tesis ini.

Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada Universiti Putra Malaysia amnya, dan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi khususnya kerana telah sudi menerima saya sebagai pelajar Ijazah Master Sastera, sekali gus membolehkan kajian ini dijalankan. Tajuk awal yang dicadangkan bagi kajian ini ialah "Pluralisme Agama dalam Filem "Muallaf" dan "Gubra" Arahan Yasmin Ahmad Berdasarkan Kerangka *Taklif*". Namun atas nasihat Jawatankuasa Pemeriksaan Tesis tajuk ini telah diubah seperti tajuk yang tertera.

Seterusnya, saya mengucapkan terima kasih kepada Penyelia saya, Prof. Madya Dr. Zulkifli Mohamad yang telah mencadangkan kepada saya kajian berkaitan multikulturalisme dalam filem-filem Yasmin Ahmad. Cadangan beliau inilah yang kemudian membawa saya kepada kajian mengenai kepelbagaian budaya dari sudut Pandangan Hidup Islam.

Saya turut berterima kasih kepada Ahli Jawatankuasa Penyeliaan saya, Prof Madya Dr. Mohd Zariat Abdul Rani atas tunjuk ajar dan bimbingan beliau dalam memperkenalkan saya mengenai Pandangan Hidup Islam.

Selain itu, saya turut berterima kasih kepada Prof. Syed Naquib Al-Attas yang telah menghasilkan banyak penulisan dan sumbangan berkaitan pandangan hidup Islam. Hasil tulisan beliaulah yang pertama kali membuka pemikiran saya mengenai Pandangan Hidup Islam. Tidak dilupakan, penghargaan dan terima kasih saya kepada Pensyarah-pensyarah dalam kuliah WISE 2017 (Siri Pandangan Hidup Islam); Prof. Dr. Wan Mohd Nor Wan Daud, Dr. Mohd Farid Mohd Shahrar, Dr Mohd Sani Badron, Prof. Madya Dr. Khalif Muammar, Encik Asham Ahmad, Dr. Mohd Zaidi Ismail, Prof. Madya Dr. Wan Suhaimi Wan Abdullah dan Encik Roslan bin Jelani serta tenaga pembantu pengajar, khususnya Encik Khayurrijal yang banyak membantu saya bagi memahami mengenai Pluralisme Agama secara lebih mendalam.

Di kesempatan ini, saya turut berterima kasih kepada Perpustakaan Sultan Abdul Samad (UPM), Perpustakaan Tun Sri Lanang, Institut Alam dan Tamadun Melayu (UKM), atas kerjasama yang diberikan dalam usaha saya mendapatkan maklumat berkaitan kajian ini.

Tidak dilupakan juga kepada Saudari Nudra Shafini Halis Azhan dan Saudara Muhammad Fitri Abdul Mutallib atas perkongsian ilmu dan bersama-sama memahami mengenai Pandangan Hidup Islam dan Pluralisme Agama serta bantuan dalam memahami mesej-mesej yang disampaikan dalam filem-filem Yasmin Ahmad yang dikaji, Saudari Noor Hazwany Hj. Ariffin atas kesudian untuk menghulurkan bantuan ketika diperlukan dan lain-lain pihak yang tidak dapat saya sebutkan di sini.

Penulisan tesis ini hingga penjilidannya adalah atas bantuan daripada pelbagai pihak.

Terima kasih.

Nurul Atira Binti Tonya  
Universiti Putra Malaysia, Serdang  
15 Februari 2019





Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Penyelesaian adalah seperti berikut:

**Zulkifli Bin Mohamad, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Mohd. Zariat Bin Abdul Rani, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak
- dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik.: \_\_\_\_\_

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan *Universiti Putra Malaysia (Graduate Studies) Rules 2003 (Revision 2012-2013)* telah dipatuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan : \_\_\_\_\_

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan : \_\_\_\_\_

## JADUAL KANDUNGAN

		Page
	<b>ABSTRAK</b>	i
	<b>ABSTRACT</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>PENGESAHAN</b>	vi
	<b>PERAKUAN</b>	viii
	<b>SINGKATAN</b>	xiii
	<b>BAB</b>	
<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Sorotan Literatur	1
1.2.1	Kajian Ilmiah Yang Menerapkan Konsep <i>Taklif</i> Sebagai Kerangka Analisis	1
1.2.2	Kajian Ilmiah Yang Memperakukan "Multikulturalisme" Dalam Filem-Filem Yasmin Ahmad	8
1.2.3	Kajian Ilmiah Yang Memperakukan Toleransi Agama Dalam Filem-Filem Yasmin Ahmad	13
1.2.4	Kajian Ilmiah Memperakukan Pluralisme Agama Dalam Filem-Filem Yasmin Ahmad	19
1.3	Penyataan Masalah	21
1.4	Objektif Kajian	22
1.5	Kerangka Analisis	22
1.6	Skop Kajian	23
1.7	Kepentingan Kajian	24
<b>2</b>	<b>TAKLIF: SATU KERANGKA ANALISIS</b>	
2.1	Pengenalan	26
2.2	<i>Taklif</i>	26
2.3	Hakikat Insan	
2.3.1	Perjanjian Asali	29
2.3.2	Fitrah	31
2.3.3	Ibadah	33
2.3.3.1	Tugas Sebagai Hamba Allah SWT Dan Sebagai Khalifah Allah SWT Di Muka Bumi	34
2.3.4	Peranan Akal	37

	2.3.5	Konsep “Keadilan” dan “Kezaliman”	41
	2.3.6	Konsep “Kebebasan”	44
	2.3.7	Konsep “Kebahagiaan” dan Matlamat Hidup Insan	46
2.4		Hakikat Ilmu dan Amal	
	2.4.1	Pengertian “Ilmu Yang Benar”	47
	2.4.2	Sumber “Ilmu Yang Benar”	49
	2.4.3	Klasifikasi Ilmu	52
	2.4.4	Hubungan Ilmu dan Amal	54
2.5		Islam Sebagai Al-Din	55
	2.5.1	Islam Sebagai Satu-Satunya Agama Wahyu	58
	2.5.2	Islam Sebagai Satu-Satunya Agama Wahyu	60
	2.5.3	<i>Transcendence Unity of Religion</i> (Kesatuan Agama) Tertolak	62
	2.5.4	Pluralisme Agama Tiada Tempat Di Sisi Islam	63
<b>3</b>		<b>YASMIN AHMAD: BIOGRAFI DAN KARYA</b>	
	3.1	Pengenalan	69
	3.2	Latar Belakang Keluarga, Pendidikan dan Kerjaya)	69
	3.3	Hadiah dan Pengiktirafan/Penghargaan	71
	3.4	Pandangan dan Persepsi Yasmin Ahmad	71
<b>4</b>		<b>ANALISIS PLURALISME AGAMA DALAM FILEM-FILEM YASMIN AHMAD BERDASARKAN KERANGKA TAKLIF</b>	
	4.1	Pengenalan	77
	4.2	Analisis Pluralisme Agama Dalam Filem “Muallaf” (2009) Berdasarkan Kerangka <i>Taklif</i>	78
	4.2.1	Islam Bukan Sebagai Satu-Satunya Agama Yang Benar	78
	4.2.2	Semua Agama Adalah Sama Dan Benar	83
	4.2.3	Penolakan Terhadap Pandangan Yang Telah Dipersepakati	92
	4.3	Analisis Pluralisme Agama Dalam Filem “Sepet” (2005) Berdasarkan Kerangka <i>Taklif</i>	
	4.3.1	Islam Bukan Sebagai Satu-Satunya Agama Yang Benar	93
	4.3.2	Semua Agama Adalah Sama Dan Benar	96
	4.3.3	Penolakan Terhadap Pandangan Yang Telah Dipersepakati	98
<b>5</b>		<b>RUMUSAN DAN KESIMPULAN</b>	102

<b>BIBLIOGRAFI</b>	105
<b>LAMPIRAN</b>	1
<b>BIODATA PELAJAR</b>	66
<b>SENARAI PENERBITAN</b>	67



## SENARAI SINGKATAN

Lamp.	Lampiran
hal.	Halaman
bhgn.	bahagian
SAW	Salallahu Alaihi Wa salam
SWT	Subhanahu Wa Ta'ala
RH	Radiallahuanhu
FFA	Festival Filem Antarabangsa
FFM	Festival Filem Malaysia



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

*Taklif* merupakan satu konsep yang dicetuskan oleh Shah Waliyullah Al-Dihlawi RH, seorang sarjana Islam yang terkemuka dalam dunia keilmuan Islam. *Taklif* dianggap sebagai kerangka berasaskan akidah Tauhid, iaitu akidah yang dipegang oleh Umat Islam. Akidah Tauhid diasaskan kepada ilmu yang disampaikan oleh Allah SWT melalui jalan wahyu, iaitu Al-Quran dan As-Sunnah. Akidah Tauhid merujuk kepada keyakinan bahawa Allah SWT merupakan Tuhan yang Esa yang layak disembah, Pencipta sekalian alam dan tiada sekutu bagi-Nya. Justeru, *Taklif* merujuk kepada hubungan keterikatan manusia terhadap satu-satunya Pencipta. Keterikatan ini adalah disebabkan perjanjian yang termeterai antara manusia dengan Allah SWT (Pencipta) di alam alastu. Inti perjanjian ini adalah manusia berjanji untuk menyembah Allah SWT. Al-Quran Surah Al-Araaf, Ayat 172 antaranya menjelaskan tentang soal “janji” manusia untuk menyembah Penciptanya selama kehidupan mereka di muka bumi (Syed Muhammad Naquib Al-Attas mengungkapkannya sebagai “perjanjian asali” (*primordial covenant*) (Al-Attas, 2015: 240). Seterusnya, Syed Muhammad Naquib Al-Attas menggunakan konsep *Taklif* yang diungkap sebagai “perjanjian asali” ini bagi menjelaskan mengenai hakikat-hakikat yang membentuk pandangan hidup Islam. Penjelasan mengenai hakikat-hakikat ini akan memperlihatkan kedudukan Islam dalam hidup insan, sekali gus menjelaskan kedudukan mesej-mesej Pluralisme Agama yang disampaikan dalam filem-filem Yasmin Ahmad yang dikaji.

#### 1.2 Sorotan Literatur

##### 1.2.1 Kajian Ilmiah Yang Menerapkan Konsep *Taklif* Sebagai Kerangka Analisis

Sorotan dimulakan dengan meneliti kajian-kajian ilmiah dalam bidang sastera sedia ada yang menerapkan konsep *Taklif* sebagai kerangka analisis. Pengamatan awal mendapati bahawa terdapat beberapa kajian ilmiah dalam bidang sastera yang telah menerapkan konsep *Taklif* sebagai kerangka analisis. Lanjutan itu, sorotan dimulakan dengan mengamati artikel yang terbit dalam *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa* hasil tulisan Elizatul Nastaysah Kamaruddin dan Mohd. Zariat Abdul Rani (seterusnya Elizatul dan



Mohd. Zariat) bertajuk “Wanita Menurut *Taklif*: Satu Analisis terhadap watak Fatimah dalam cerpen “Perempuan Gusti” dan “Fatimah Kahwin” Karya Hamzah Hussin” (2017). Artikel ini bertitik tolak daripada kajian ilmiah oleh Membunga@Siti Meriam Yaacob (2005 & 2010) (seterusnya Membunga), mengenai kecenderungan cerpen-cerpen Hamzah Hussin dalam menangani persoalan wanita. Menurut artikel ini, kajian ilmiah yang ditulis oleh Membunga menerapkan teori feminisme dalam menilai kecenderungan cerpen-cerpen Hamzah Hussin terhadap persoalan wanita. Artikel ini seterusnya menyatakan bahawa terdapat pertikaian mengenai penerapan teori feminisme yang berasal dari Barat untuk menilai karya Sastera Melayu. Berlatar belakangkan permasalahan di atas, artikel ini bertujuan untuk menganalisis dan merumuskan mengenai manifestasi watak Fatimah dalam cerpen “Perempuan Gusti” dan “Fatimah Kahwin” karya Hamzah Hussin menggunakan konsep *Taklif*. Sejalan dengan tajuk tersebut, artikel ini mengkaji dua cerpen karya Hamzah Hussin, iaitu “Perempuan Gusti” (1951) dan “Fatimah Kahwin” (1951). Bagi mencapai tujuan ini, artikel ini menerapkan gagasan Persuratan Baru (seterusnya PB) yang dicetuskan oleh Mohd. Affandi dalam menganalisis cerpen yang dikaji. Menurut artikel ini, PB merupakan gagasan yang berteraskan prinsip *Taklif*. Artikel ini menjelaskan *Taklif* menurut Mohd. Affandi sebagai “keterikatan manusia dengan Penciptanya yakni Allah SWT” (Elizatul dan Mohd. Zariat, 2017: 31). Artikel ini turut menyatakan pengertian *Taklif* menurut Shah Wali Allah al-Delhi RH di dalam kitab *Hujjat Allah Al Baligha*, sebagaimana yang dijelaskan dalam petikan di Lamp. 1.2.1 (a), hal. 1, bhgn. Lamp. Seterusnya, artikel ini menyatakan bahawa dengan pemahaman *Taklif* ini, Gagasan PB mempunyai tiga falsafah, iaitu “Hakikat Insan”, “Hakikat Ilmu dan Amal”, dan “Hakikat dan Fungsi Sastera”. Artikel ini menyatakan bahawa “Hakikat Insan” sebagai “merujuk kepada hakikat penciptaan manusia yang dicipta untuk melakukan kebaikan atau beribadah kepada Penciptanya” (Elizatul dan Mohd. Zariat, 2017: 32). Sementara itu, falsafah “Hakikat Ilmu dan Amal” pula dijelaskan mengandungi maksud sebagai “...perbuatan baik yang dilaksanakan oleh manusia berasaskan “ilmu yang benar”, serta niat hanya untuk beribadah kepada Penciptanya...” (Elizatul dan Mohd. Zariat, 2017: 32). Seterusnya, artikel ini menjelaskan mengenai “Hakikat dan Fungsi Sastera” menurut Mohd. Affandi, seperti yang dijelaskan dalam petikan di Lamp. 1.2.1 (b), hal. 1 bhgn. Lamp. Penerapan prinsip *Taklif* dalam kajian ini mendapati manifestasi watak Fatimah dalam cerpen “Perempuan Gusti” dan “Fatimah Kahwin” bertentangan dengan prinsip *Taklif*. Hal ini kerana, menurut artikel ini, watak Fatimah dalam cerpen “Perempuan Gusti” dimanifestasikan sebagai seorang gadis moden yang tidak menutup aurat. Artikel ini menjelaskan bahawa watak Fatimah dalam cerpen ini yang gemar berpakaian jarang dan tidak memakai tudung kepala bertentangan dengan prinsip *Taklif*, sebagaimana yang terdapat dalam petikan di Lamp. 1.2.1 (c), hal. 1, bhgn. Lamp. Artikel ini turut menyentuh mengenai tingkah laku watak Fatimah dalam cerpen “Perempuan Gusti” yang dimanifestasikan sebagai seorang yang

bergaul bebas dengan lelaki yang bukan mahramnya (artikel ini menyentuh mengenai watak Fatimah yang membenarkan dirinya dipeluk oleh jurulatih lelaki). Menurut artikel ini, pergaulan bebas antara lelaki dan wanita juga bertentangan dengan konsep “aurat” dan akhlak wanita Islam menurut *Taklif*. Hal ini dapat dilihat melalui petikan di Lamp. 1.2.1 (d), hal. 2, bhgn. Lamp. Selain itu, artikel ini turut menjelaskan bahawa tingkah laku watak Fatimah dalam cerpen “Perempuan Gusti” yang dimanifestasikan sebagai seorang yang kasar, adalah disebabkan persepsinya mengenai kemodenan. Artikel ini menyentuh mengenai kekasaran watak Fatimah yang membaling watak Ahmad ke lantai ketika bergurau dengannya. Menurut artikel ini, tingkah laku watak Fatimah berubah menjadi kasar setelah terlibat dengan sukan gusti. Artikel ini menjelaskan bahawa watak Fatimah “... menceburi sukan gusti kerana mahu memiliki keberanian dan kekuatan ...” (Elizatul dan Mohd. Zariat, 2017: 37) dan “...tidak mahu hanya menjadi suri rumah setelah berkahwin dengan Ahmad” (Elizatul dan Mohd. Zariat, 2017: 37). Menyentuh mengenai persepsi watak Fatimah berkaitan kemodenan wanita, yang menyebabkannya menjadi berani dan kasar, artikel ini menjelaskan bahawa manifestasi sedemikian bertentangan dengan prinsip *Taklif* mengenai “fitrah” manusia. Pandangan ini dapat dilihat melalui petikan dalam Lamp. 1.2.1 (e), hal. 2, bhgn. Lamp. Persoalan mengenai persepsi kemodenan wanita turut menjadi salah satu hasil analisis terhadap watak Fatimah dalam cerpen “Fatimah Kahwin”. Menurut artikel ini, persepsi kemodenan watak Fatimah dimanifestasikan melalui tingkah lakunya yang bebas dan tidak menjaga batas pergaulan antara wanita dengan lelaki, (artikel ini menyentuh mengenai tingkah laku Fatimah yang membiarkan dirinya dicium oleh Ahmad (teman lelaki Fatimah) dan membalas ciuman tersebut). Artikel ini menyatakan bahawa tingkah laku watak Fatimah yang sedemikian, bebas bergaul dan keberanian bercium dengan lelaki, bertentangan dengan prinsip *Taklif* mengenai konsep “aurat” dalam Islam, sebagaimana yang dapat dilihat dalam petikan Lamp. 1.2.1 (f) (i) dan Lamp. 1.2.1 (f) (ii), hal. 2, bhgn. Lamp. Selain itu, hasil analisis terhadap watak Fatimah dalam cerpen “Fatimah Kahwin” juga mendapati bahawa persepsinya terhadap kemodenan wanita turut mempengaruhi persepsinya terhadap pemakaian tudung, iaitu satu kewajipan bagi wanita Islam. Hal ini digambarkan melalui manifestasi watak Fatimah dalam cerpen “Fatimah Kahwin” sebagai wanita Islam yang tidak bertudung. Menurut artikel ini, watak Fatimah beranggapan bahawa pemakaian tudung bertentangan dengan naluri semula jadi wanita dan penghalang kemodenan wanita. Penerapan prinsip *Taklif* dalam kajian ini seterusnya menjelaskan bahawa manifestasi watak Fatimah yang sedemikian adalah bertentangan dengan prinsip *Taklif* berkaitan konsep “aurat”, sebagaimana yang dinyatakan dalam petikan di Lamp. 1.2.1 (g), hal. 3, bhgn. Lamp. Berdasarkan dapatan kajian di atas, jelas dilihat kemampuan prinsip *Taklif* dalam memperlihatkan karya sastera Melayu yang dianggap mempunyai kecenderungan terhadap nilai-nilai Barat. Nilai-nilai Barat ini pula jelas bertentangan dengan nilai-nilai Islam yang merupakan teras jati diri

Melayu. Akan tetapi, penelitian ini hanya meliputi karya sastra penulisan, iaitu cerpen “Perempuan Gusti” dan “Fatimah Kahwin” yang menjadi fokus dalam kajian ini.

Pengamatan diteruskan terhadap artikel oleh Mohd Adi Amzar bin Muhammad Nawawi dan Zulkarnain bin Mohamed (seterusnya Adi Amzar dan Zulkarnain) bertajuk “Penilaian Konsep Taklif dalam Novel *Ketika Cinta Bertasbih* Karya Habiburrahman El Shirazy”. Artikel ini membangkitkan persoalan tentang sastra Islam yang dianggap sastra yang berpaksikan kepada ilmu yang benar dan dapat mendidik jiwa mencintai kebenaran. Menurut artikel ini, penulis Islam mempunyai *Taklif* atau tanggungjawab untuk mengajar dan mendidik masyarakat mengenai konsep syumul yang diterapkan dalam Islam. Pandangan Adi Amzar dan Zulkarnain mengenai tanggungjawab penulis Islam ini dilihat melalui petikan yang disertakan di Lamp. 1.2.1 (h), hal. 3, bhgn. Lamp. Artikel ini turut menjelaskan bahawa sebagai seorang penulis Muslim, etika yang perlu dipatuhi dalam penulisan adalah “... menterjemahkan kefahaman Islam dalam diri mereka ke dalam hasil karya dengan adunan dan garapan yang betul dan bukan menyeleweng dan memesongkan fahaman Islam yang sebenar (Adi Amzar dan Zulkarnain, \_\_\_). Bertitik tolak daripada persoalan mengenai tanggungjawab penulis Islam yang dinyatakan di atas, artikel ini mempunyai tiga objektif, iaitu pertama, untuk mengenal pasti konsep dan pendekatan *Taklif* secara lebih mendalam. Kedua, untuk menganalisa strategi penceritaan yang melibatkan paksi naratif dan komponen watak yang mendominasi keseluruhan penceritaan. Seterusnya, objektif ketiga adalah untuk mengukur sama ada novel *Ketika Cinta Bertasbih* menepati kehendak penilaian konsep *Taklif* yang dianjurkan ataupun tidak. Bagi mencapai tujuan ini, artikel ini mengkaji novel *Ketika Cinta Bertasbih* karya Habiburrahman El Shirazy sebagai bahan kajian. Menurut artikel ini, novel *Ketika Cinta Bertasbih* dipilih kerana sarat dengan mesej-mesej Islam yang disampaikan melalui watak protagonisnya. Hal ini dapat dilihat dalam petikan di Lamp. 1.2.1 (i), hal. 3, bhgn. Lamp. Artikel ini menerapkan Gagasan PB oleh Mohd Affandi Hassan sebagai kerangka dalam menganalisis novel *Ketika Cinta Bertasbih* karya Habiburrahman El Shirazy. Menurut artikel ini, Gagasan PB menggunakan pendekatan *Taklif* untuk menilai karya-karya sastra. Artikel ini menyatakan bahawa Gagasan PB membezakan karya sastra kepada dua, iaitu yang bersifat falsafah persuratan dan bersifat falsafah sastra. Perbezaan antara kedua-dua kategori karya sastra ini dapat dilihat melalui petikan yang disertakan dalam Lamp. 1.2.1 (j), hal. 4, bhgn. Lamp. Hasil analisis mendapati novel *Ketika Cinta Bertasbih* karya Habiburrahman El Shirazy ini menepati pendekatan *Taklif* dalam Gagasan PB. Hal ini dilihat melalui penggunaan elemen akidah Islamiah dalam pembinaan watak protagonisnya, Azzam. Menurut artikel ini, elemen akidah Islam ini disampaikan dengan jayanya melalui watak Azzam yang bermonolog memuji keindahan alam ciptaan Allah

SWT. Artikel ini menjelaskan bahwa perbuatan Azzam yang bermonolog ini menggambarkan keyakinannya kepada Allah SWT. Hal ini dapat dilihat melalui petikan yang disertakan dalam Lamp. 1.2.1 (k), hal. 4, bhgn. Lamp. Hasil analisis turut mendapati bahwa novel *Ketika Cinta Bertasbih* ini menepati pendekatan *Taklif* melalui pembinaan watak protagonis ke arah berunsur kebaikan. Menurut artikel ini, pembinaan watak protagonis yang sedemikian menjadi contoh kepada pembaca. Selain itu, artikel ini turut menyatakan bahawa pembinaan watak protagonis ke arah berunsur kebaikan ini menunjukkan keseriusan pengarang dalam menyampaikan contoh yang baik dalam karyanya. Pandangan Adi Amzar dan Zulkarnain terhadap pembinaan watak protagonis ke arah berunsur kebaikan ini dapat dilihat dalam petikan Lamp. 1.2.1 (l), hal. 4-5, bhgn. Lamp. Hasil analisis turut mendapati novel *Ketika Cinta Bertasbih* ini menepati pendekatan *Taklif* melalui penggunaan Ayat Al-Qur'an dan Hadith Rasulullah SAW serta pengabaian terhadap babak-babak erotik dan seks. Menurut artikel ini, Ayat Al-Qur'an dan Hadith Rasulullah SAW dalam novel *Ketika Cinta Bertasbih* digunakan tanpa pengubahsuaian dan penyelewengan. Penggunaan Ayat Al-Qur'an dan Hadith Rasulullah SAW ini juga telah diteliti terlebih dahulu oleh penulis sebelum digunakan di dalam novel. Hal ini, menurut Adi Amzar dan Zulkarnain, menunjukkan bahawa penulis novel *Ketika Cinta Bertasbih* cuba memenuhi tanggungjawabnya sebagai penulis Islam. Seterusnya, artikel ini menjelaskan bahawa pengabaian terhadap babak erotik dan seks dalam novel ini pula disampaikan melalui babak yang menceritakan watak Azzam menolak ciuman watak Eliana yang ditawarkan sebagai tanda terima kasih. Menurut artikel ini, penolakan terhadap ciuman tersebut menghalang babak erotik dan seks daripada berkembang dengan terperinci. Dengan itu, pengabaian terhadap babak ini dapat dilakukan. Artikel ini menyatakan bahawa pengabaian ini menunjukkan keseriusan penulis novel ini dalam menyampaikan ilmu, bukan cerita dalam novel yang dihasilkannya. Melalui hasil analisis yang dinyatakan di atas, jelas dilihat bahawa penerapan *Taklif* sebagai kerangka analisis mampu memperlihatkan kedudukan Islam dalam sesuatu karya sastera. Akan tetapi, penelitian ini hanya meliputi karya sastera penulisan novel, iaitu *Ketika Cinta Bertasbih* karya Habiburrahman El Shirazy, sebagaimana yang menjadi fokus dalam kajian ini.

Pengamatan diteruskan terhadap artikel dalam buku *Gagasan Persuratan Baru Pengenalan dan Penerapan* hasil tulisan Mohd. Zariat Abdul Rani (seterusnya Mohd. Zariat) bertajuk "Antara Taklif dan Paksi Naratif: Satu Analisis Terhadap Novel *Salina* Karya A. Samad Said Berdasarkan Persuratan Baru" (2008). Artikel ini membangkitkan permasalahan mengenai resepsi kritis terhadap moral cerita *Salina* yang dikatakan seolah-olah membela pelacur. Menurut artikel ini, perubahan telah dibuat terhadap novel *Salina* sebelum diterbitkan. Perubahan ini melibatkan penukaran judul, pengaburan babak-babak porno dan peneguhan unsur nasihat kepada pelacur, bertujuan untuk mengubah

moral cerita. Namun resepsi kritis terhadap novel *Salina* masih menyentuh mengenai moral cerita yang sama, pembelaan terhadap pelacur. Sehubungan dengan itu, artikel ini menjelaskan bahawa perubahan yang telah dibuat terhadap novel ini "... tidak menjurus atau melibatkan komponen cerita yang dominan, yang dapat memperbaiki dan sekali gus memulihkan moral cerita *Salina* secara berkesan" (Mohd. Zariat, 2008: 32). Bertitik tolak daripada permasalahan yang dinyatakan di atas, artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti komponen cerita yang paling penting dan dominan dalam pembikinan naratif novel *Salina*. Bagi mencapai tujuan ini, artikel ini menerapkan gagasan PB sebagai kerangka dalam menganalisis novel *Salina*. Artikel ini menyatakan bahawa gagasan PB lahir daripada pengamatan dan penelitian tokoh Melayu, terhadap kesusasteraan Melayu dan merupakan gagasan yang berteraskan Islam. Menurut artikel ini, terdapat tiga falsafah yang perlu difahami dalam gagasan PB, iaitu "Hakikat Insan", "Hakikat Ilmu dan Amal", dan "Hakikat dan Fungsi Sastera". Seterusnya, ketiga-tiga hakikat/falsafah ini dipasakkan pada kerangka *Taklif*, yang merujuk kepada keterikatan manusia terhadap Allah SWT. Penjelasan Mohd. Zariat mengenai falsafah ini dapat dilihat dalam Lamp. 1.2.1 (m), hal. 5, bhgn. Lamp. Sehubungan itu, artikel ini menjelaskan bahawa pengertian dan fungsi sastera adalah untuk menyampaikan ilmu bagi meningkatkan akhlak manusia. Menurut artikel ini, atas tujuan untuk menyampaikan ilmu, PB memberi penekanan terhadap aspek ilmu dan amal. Ilmu merujuk kepada ilmu yang benar di sisi Islam. Ilmu yang benar ini seterusnya menjadi asas kepada amal manusia. Hakikat Ilmu dan Amal dalam gagasan PB yang saling berkait menurut artikel ini dapat dilihat dalam Lamp. 1.2.1 (n), hal. 5, bhgn. Lamp. Berbalik kepada pengertian dan fungsi sastera untuk menyampaikan ilmu yang benar, artikel ini menjelaskan bahawa pembikinan naratif sastera turut mempunyai matlamat yang sama, untuk menyampaikan kebenaran. Artikel ini turut menjelaskan bahawa gagasan PB menekankan kepentingan paksi naratif atau pendirian novel terhadap cerita yang disampaikan. Kepentingan paksi naratif dalam menyampaikan ilmu yang benar dalam gagasan PB ini dapat dilihat dalam petikan di Lamp.1.2.1 (o), hal. 5, bhgn. Lamp. Dengan pemahaman tersebut, artikel ini berupaya mengemukakan beberapa hasil analisis. Pertama, artikel ini mendapati bahawa paksi naratif bagi novel *Salina* ini ialah "pelacur berhati mulia". Artikel ini menjelaskan bahawa paksi naratif sebagai "pelacur berhati mulia" ini diketahui melalui penulis novel ini sendiri, A. Samad Said, dengan meneliti proses penghasilan novel *Salina* yang diceritakan sendiri oleh penulisnya. Artikel ini turut menjelaskan bahawa pemilihan paksi naratif yang sedemikian dipilih secara sedar oleh penulisnya. Hal ini dapat dilihat melalui pernyataan Mohd. Zariat yang disertakan dalam Lamp. 1.2.1 (p), hal. 6, bhgn. Lamp. Menerapkan prinsip *Taklif* yang menjadi teras gagasan PB, artikel ini menjelaskan bahawa paksi naratif "pelacur berhati mulia" ini mempunyai nilai yang bertentangan, sebagaimana yang dapat dilihat dalam petikan di Lamp. 1.2.1 (q), hal. 6, bhgn. Lamp. Seterusnya, artikel ini menjelaskan paksi naratif ini dikukuhkan dalam novel *Salina* melalui dua strategi, iaitu menonjolkan kemuliaan hati protagonis dan mengaburkan kejahatan protagonis. Artikel menjelaskan bahawa strategi ini dilaksanakan melalui "komponen cerita seperti watak, konflik, peristiwa, asal mula (*antecedent*) dan konteks cerita, teknik pemerian serta aspek bahasa, ..." (Mohd. Zariat, 2008: 329). Menurut artikel ini, kemuliaan hati protagonis (*Salina*) diperlihatkan dengan memberikan ciri-ciri seperti murah hati, penyayang, ikhlas dan rela berkorban kepada watak ini. Seterusnya,

watak Salina dipertemukan dengan watak-watak yang memerlukan pertolongan bagi mengukuhkan perwatakan Salina yang mulia, sebagaimana ungkapan Mohd. Zariat: "Bagi menyerlahkan ciri-ciri perwatakan tersebut, novel seterusnya menemukan protagonisnya dengan watak-watak lain yang berada dalam situasi mengharapkan pertolongan, kasih sayang dan pengorbanan" (Mohd. Zariat, 2008: 330). Kemuliaan protagonis ini turut dikukuhkan dengan mempertemukan watak Salina dengan watak-watak yang mempunyai ciri-ciri yang bertentangan dengannya, iaitu jahat dan keji serta tidak berperikemanusiaan. Menurut artikel ini, dengan jalan cerita yang sedemikian, pergelutan antara watak baik dan watak jahat, kemuliaan hati protagonis dan kejahatan watak lain akan terserlah. Hal ini dapat dilihat melalui ungkapan Mohd. Zariat yang disertakan dalam Lamp. 1.2.1 (r), hal. 6, bhgn. Lamp. Seterusnya, artikel ini menjelaskan strategi pengaburan kejahatan protagonis dalam mempertahankan paksi naratif "pelacur berhati mulia" novel *Salina*. Menurut artikel ini, kejahatan yang dilakukan oleh Salina mengikut kerangka Islam adalah melacurkan diri dan bersekedudukan dengan teman lelakinya. Artikel ini menjelaskan bahawa kedua-dua kejahatan ini dikaburkan dengan "menjelaskan punca penglibatan protagonis dalam pelacuran, meminimumkan gambaran mengenainya, dan mengalihkan soal tersebut kepada perkara lain" (Mohd. Zariat, 2008: 334). Hasil analisis artikel ini turut mengemukakan bahawa perubahan yang telah dibuat terhadap novel *Salina*, berkaitan dengan perubahan judul, pengaburan babak porno (yang melibatkan watak Salina), dan menguatkan unsur nasihat dalam cerita, menepati andaian awal artikel ini, iaitu "... perubahan-perubahan tersebut tidak menjurus atau melibatkan komponen cerita yang dominan, yang dapat memperbaiki sekali gus memulihkan moral cerita *Salina* secara berkesan" (Mohd. Zariat, 2008: 321). Secara ringkasnya, penerapan kerangka *Taklif* yang menjadi teras dalam gagasan PB dalam menganalisis paksi naratif dan strategi yang digunakan bagi mengukuhkan paksi naratif novel *Salina* ini mendapati bahawa novel ini cenderung untuk mempertahankan nilai-nilai jahat dan mengaburkan kedudukan nilai-nilai dalam Islam. Sehubungan itu, hasil analisis mendapati bahawa novel ini tidak menepati pengertian dan fungsi sastera untuk menyampaikan ilmu yang benar, sekali gus menempatkannya sebagai "novel picisan". Melalui hasil analisis yang dibincangkan di atas, jelas dilihat bahawa penerapan *Taklif* sebagai kerangka analisis berupaya mendedahkan kedudukan Islam dalam sesuatu karya sastera. Akan tetapi, sebagaimana kajian-kajian ilmiah yang dibincangkan sebelumnya, penelitian ini hanya meliputi karya sastera penulisan, iaitu novel *Salina* sebagaimana yang menjadi fokus dalam kajian ini.

Seterusnya, sorotan literatur diteruskan terhadap kajian mengenai filem-filem Yasmin Ahmad (seterusnya Yasmin). Pengamatan awal mendapati bahawa sehingga kini dan sepanjang yang diketahui, telah ada sejumlah kajian ilmiah tentang filem-filem Yasmin. Daripada kajian-kajian ilmiah ini, pengamatan ini dapat melakarkan tiga kecenderungan yang ketara. Pertama, kecenderungan kajian-kajian ilmiah dalam memperakukan adanya soal "Multikulturalisme" dalam filem-filem Yasmin. Dalam hal ini, penting untuk dinyatakan apa yang difahami sebagai "Multikulturalisme" dalam kajian-kajian tersebut merujuk

kepada keharmonian atau perpaduan dalam kalangan masyarakat yang terdiri daripada kepelbagaian atau latar belakang yang berbeza. Kedua, kecenderungan kajian-kajian ilmiah dalam memperakukan adanya soal “Toleransi Agama” dalam filem-filem Yasmin. Dan ketiga, kecenderungan kajian-kajian ilmiah dalam memperakukan adanya soal “Pluralisme Agama” dalam filem-filem Yasmin.

### **1.2.2 Kajian Ilmiah Yang Memperakukan “Multikulturalisme” Dalam Filem-Filem Yasmin Ahmad**

Sorotan ini dimulakan dengan mengamati tesis kedoktoran oleh Budi Irawanto (seterusnya Budi) bertajuk “Emancipating Desire, Empowering Fantasy: Cultural Politics of Contemporary Cinema in Indonesia and Malaysia” (2014). Tesis Budi ini membangkitkan persoalan tentang hubungan antara politik dengan perubahan-perubahan yang melanda filem-filem kontemporari Indonesia dan Malaysia. Tesis ini menghujahkan bahawa pengurangan kuasa autokrasi di Indonesia dan Malaysia pada tahun 1998, memungkinkan tercetusnya kebebasan berekspresi serta politik di kedua-dua negara. Perubahan ini disambut pula dengan kemajuan teknologi digital yang dianggap oleh kajian Budi ini telah membuka ruang untuk tercetusnya wacana kebebasan yang disuarakan melalui filem. Berlatar belakangkan permasalahan di atas, tesis ini bertujuan mengkaji implikasi daripada perubahan politik dan kemajuan teknologi digital, terhadap filem-filem kontemporari di Indonesia dan Malaysia. Sehubungan itu, tesis ini ingin menghujahkan bahawa perubahan politik dan kemajuan teknologi digital di atas menjadi manifestasi terbentuknya masyarakat yang demokratik di kedua-dua negara. Bagi memenuhi objektif objektif tersebut, tesis ini meneliti 41 filem Indonesia dan 52 filem Malaysia yang terbit pada 1998 hingga 2013, yang juga dianggap sebagai kontemporari. Filem-filem ini dipilih berdasarkan isu-isu sosial yang diketengahkan seperti isu identiti agama serta etnik, dan seksualiti alternatif yang bersifat “luar tabii” atau disebut dalam kajian ini sebagai “heteronormatif”. Selain itu ialah isu urbanisasi serta kejatuhan moral masyarakat. Apa yang relevannya dengan kajian ini ialah pemilihan filem-filem Yasmin iaitu “Sepet” (2004) dan “Gubra” (2006), sebagai antara bahan kajian. Untuk itu, tesis Budi ini mengguna pakai kaedah “*inter-referencing*” atau “antarrujukan” bagi merungkai fenomena sosial yang berlaku. Penggunaan kaedah tersebut juga turut dipengaruhi oleh beberapa persamaan seperti Islam yang mendominasi masyarakat di Indonesia dan Malaysia, selain wujudnya badan penapis filem di kedua-dua negara. Selain itu, tesis ini turut memanfaatkan teori Jacques Ranciere (lahir 1940) dan Alain Badiou (lahir 1937) tentang politik dan filem. Teori Ranciere, antaranya meyakini bahawa filem mampu menyampaikan suara minoriti yang tidak mendapat tempat dalam masyarakat (*part of no part*). Manakala, teori Badiou pula meyakini filem sebagai seni yang berfungsi untuk mendemokrasi masyarakat. Penerapan kedua-dua teori di atas dianggap dapat meningkatkan pemahaman mengenai proses sosial termasuk demokrasi, liberalisasi, pluralisme dan hak minoriti. Dengan kata lain, Budi berpendapat teori Jacques Ranciere dan Alain Badiou ini dianggap memperakukan peranan filem sebagai

saluran yang dapat menyalurkan suara-suara minoriti. Dengan kerangka kajian ini, tesis Budi ini antaranya mengemukakan beberapa hasil analisis yang menarik untuk diamati. Antaranya, tesis Budi menganggap kedua-dua filem Yasmin yang dikaji iaitu "Sepet" (2004) dan "Gubra" (2006), memmanifestasikan perjuangan minoriti, yang turut menjadi petanda kemunculan masyarakat yang bersifat "demokratik". Yang dimaksudkan dengan "demokratik" ialah sebuah masyarakat yang terbuka serta meraikan sebarang konflik dan perbezaan, sebagaimana yang diungkapkannya seperti berikut, "*democratic society is one where relations of conflict are sustained, not erased* (Laclau and Mouffe, 1985)" (Budi, 2014: 30). Dengan takrifan ini, tesis Budi menganggap bahawa manifestasi perjuangan minoriti khususnya dalam filem-filem Yasmin sebagai petanda munculnya masyarakat "demokratik" di Malaysia. Hal ini kerana kedua-dua filem Yasmin yang dikaji dianggap cenderung mencabar citra Melayu-Islam yang sedia menjadi kepercayaan teguh masyarakat seperti imej seorang gadis Melayu beragama Islam yang lengkap berbaju kurung, tetapi minum bersama teman lelakinya berbangsa Cina-Kristian di kedai makan yang menjual daging khinzir (dalam filem "Sepet") (Budi, 2014: 243). Begitu juga imej seorang bilal yang mengusap anjing dan kemudiannya langsung ke surau untuk menunaikan solat jemaah (dalam filem "Gubra") (Budi, 2014: 244). Lebih penting lagi, tesis Budi ini berpendapat bahawa pengurangan kuasa autokrasi di Indonesia dan Malaysia serta kemajuan teknologi digital, telah mempengaruhi wajah filem-filem kontemporari di kedua-dua negara. Menurut Budi, filem-filem Indonesia dan Malaysia dikaji rata-rata memperjuangkan nasib golongan minoriti. Perjuangan ini antaranya mencakupi persoalan Pluralisme Agama dan Multikulturalisme. Kedua-dua filem Yasmin iaitu "Sepet" (2004) dan "Gubra" (2006) turut dianggap memmanifestasikan perjuangan minoriti melalui perhubungan cinta yang merentasi batasan kaum dan agama. Tesis Budi berpendapat bahawa kisah percintaan antara gadis Melayu beragama Islam (Orked), dengan pemuda Cina beragama Kristian (Jason dalam "Sepet" (2004) dan Alan dalam "Gubra" (2006)) mendamaikan segala pertembungan sejarah, tradisi, kemodenan, identiti, budaya, perkauman dan gender, sebagaimana yang disimpulkannya seperti dalam petikan Lamp. 1.2.2 (a), hal. 6, bhgn. Lamp. Oleh yang demikian, filem "Sepet" (2004) dan "Gubra" (2006) dianggap memmanifestasikan khayalan Yasmin terhadap perhubungan cinta yang merentas batasan kaum dan agama, serta menggugah dominasi politik perkauman dan konservatif agama, seperti yang diungkapkan oleh Budi dalam petikan Lamp. 1.2.2 (b), hal. 7, bhgn. Lamp. Apa yang dimaksudkan sebagai dominasi golongan konservatif agama oleh Budi merujuk kepada agama Islam kerana agama Islam merupakan agama yang menjadi kayu ukur dalam menilai sesebuah filem, seperti apa yang dinyatakan oleh Budi dalam ungunya seperti dalam petikan dalam Lamp. 1.2.2 (c) (i) dan Lamp. 1.2.2 (c) (ii), hal. 7, bhgn. Lamp. Menarik dalam ungkapan ini bagaimana Budi meletakkan golongan konservatif agama yang kebanyakannya Muslim, bertentangan dengan golongan sekular yang memperjuangkan isu kebebasan dan hak asasi. Isu kebebasan ini pula seterusnya merujuk kepada isu kebebasan individu dan kebebasan beragama, seperti ungunya dalam petikan Lamp. 1.2.2 (d), hal. 7, bhgn. Lamp. Jelas melalui pernyataan-pernyataan Budi ini, (rujuk Lamp. 1.2.2 (a) – Lamp. 1.2.2 (d) ) bahawa hal inilah yang menjadikan "Sepet" (2004) dan "Gubra" (2006) sebagai antara filem yang dikaji. Sekali gus memperlihatkan kedua-dua filem Yasmin ini turut memperjuangkan persoalan Multikulturalisme dan Pluralisme Agama.



Sorotan diteruskan terhadap artikel oleh Rosidah Syaukat dan Ekky Imanjaya (seterusnya Rosidah & Ekky) bertajuk "Film sebagai Media *Social Marketing*: Yasmin Ahmad Berjualan Ide Multikulturalisme" (2011). Artikel ini mengemukakan permasalahan mengenai filem dan media yang berupaya menjadi alat propaganda bagi mempengaruhi sikap politik rakyat. Artikel ini menghujahkan bahawa di Indonesia, filem dilihat menjalankan fungsi untuk meyakinkan masyarakat terhadap sesuatu isu seperti isu kesihatan, sejak zaman penjajahan Belanda. Berlatar belakang permasalahan ini, artikel ini bertujuan untuk melihat fungsi filem dalam kempen perubahan sosial. Bagi mencapai tujuan ini, artikel ini menjadikan filem "Rabun" (2003), "Sepet" (2004) dan "Gubra" (2006) sebagai bahan kajian. Artikel ini mengguna pakai teori pemasaran *Social Marketing* bagi menganalisis filem-filem terpilih Yasmin. Secara ringkasnya, penerapan teori pemasaran dalam kajian ini memperlihatkan filem sebagai propaganda untuk membentuk sikap-sikap tertentu dalam masyarakat. Dengan kata lain, teori pemasaran meletakkan kedudukan filem semakin penting kerana peranan filem bukan sekadar hiburan, sebaliknya turut berfungsi sebagai pembentuk masyarakat. Dengan penerapan teori ini, artikel Rosidah & Ekky mengemukakan beberapa hasil analisis. Pertama, hasil analisis mendapati Yasmin sebagai sutradara filem menjadi ejen perubahan bagi memasarkan idea Multikulturalisme melalui filem. Kemampuan Yasmin memaparkan keharmonian masyarakat multikultur dalam filem-filemnya secara konsisten dan kreatif memudahkan idea Multikulturalisme diterima dalam kalangan masyarakat Indonesia yang menonton filem-filem Yasmin. Menurut Rosidah & Ekky, walaupun filem memainkan peranan yang penting dalam teori pemasaran, namun tanpa sutradara yang berbakat seperti Yasmin, filem tersebut tidak mampu menjalankan fungsi yang sepatutnya. Oleh itu, artikel ini menyimpulkan bahawa idea Multikulturalisme yang berat untuk diterima mendapat penerimaan yang lebih baik dalam kalangan masyarakat melalui filem-filem Yasmin. Apa yang menjadikan artikel ini relevan terhadap kajian yang dijalankan adalah kerana idea Multikulturalisme yang disinonimkan dengan filem-filem Yasmin. Dengan itu, artikel ini menjadi salah satu sorotan literatur bagi kajian yang dijalankan.

Seterusnya, sorotan ini diteruskan terhadap kertas kerja oleh Beh Chun Chee bertajuk, "The Potrayal of Multiculturalism in Malaysia National Cinema: A Case Study of Yasmin Ahmad's Sepet" (2006). Kertas kerja ini membincangkan permasalahan berkaitan pemaparan kepelbagaian budaya dalam filem nasional Malaysia. Beh Chun Chee menjelaskan bahawa filem yang memaparkan kepelbagaian budaya iaitu realiti masyarakat di Malaysia sukar mendapat kelulusan daripada Lembaga Penapisan Filem, seperti yang dialami oleh filem "Sepet" (2004). Namun begitu, setelah ditayangkan, filem "Sepet" (2004) mendapat anugerah dalam Festival Filem Malaysia ke-18. Lanjutan daripada permasalahan di atas, kertas kerja ini bertujuan untuk meneliti dan menganalisis pemaparan kepelbagaian etnik dan budaya di Malaysia dalam filem "Sepet" (2004). Kertas kerja Beh Chun Chee ini mendapati kepelbagaian budaya dalam "Sepet" (2004) dipaparkan melalui kewujudan watak yang berlain budaya dan mengamalkan budaya masing-masing, seterusnya saling berinteraksi dan menerima perbezaan budaya yang ada. Beh Chun Chee menjelaskan, interaksi antarbudaya ini membolehkan setiap budaya yang ada saling bertukar elemen kebudayaan seperti yang

dinyatakannya berkaitan manifestasi pelbagai budaya dalam pengenalan filem "Sepet" (2004) seperti dalam petikan Lamp. 1.2.2 (e), hal. 7, bhgn. Lamp. Dalam ungkapan ini, dapat dilihat apa yang dimaksudkan oleh Beh Chun Chee sebagai interaksi antarbudaya ini adalah hasil pengharmonian budaya-budaya yang berbeza dalam masyarakat. Hal ini dapat dilihat apabila perkara yang sama iaitu percampuran budaya hasil interaksi antarbudaya ini dirujuk sebagai penerimaan dan toleransi dalam hujah Beh Chun Chee seperti yang dapat dilihat dalam petikan Lamp. 1.2.2 (f), hal. 8, bhgn. Lamp. Walaupun dalam pernyataan tersebut, Beh Chun Chee menyatakan toleransi antaretnik, namun jika dilihat dalam konteks filem "Sepet" (2004) sebagai bahan kajian, perbezaan yang dimaksudkan termasuklah perbezaan agama, sekali gus menunjukkan bahawa Toleransi Agama turut terlibat dalam proses yang dimaksudkan. Justeru itu, kertas kerja Beh Chun Chee ini menjadi sorotan literatur bagi kajian yang dijalankan.

Seterusnya, sorotan diteruskan terhadap disertasi oleh Kavita Maheendran (seterusnya Kavita) yang bertajuk "The Potrayal of Racial Harmony in Malaysian National Cinema: an Analysis of Yasmin Ahmad Films (2004-2009)" (2014). Kajian ini membangkitkan permasalahan mengenai mesej perpaduan yang disampaikan kepada penonton melalui filem. Kavita menghujahkan bahawa usaha menyampaikan mesej perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum melalui filem telah diusahakan oleh pengarah filem tertentu sejak tahun 1984. Filem-filem Yasmin dilihat sebagai filem yang mempromosikan keharmonian hidup masyarakat berbilang kaum di Malaysia melalui tema kepelbagaian budaya dan penggunaan pelakon berbilang bangsa dalam filem-filemnya. Berikutan permasalahan kajian di atas, kajian ini bertujuan untuk mengkaji pemaparan keharmonian kaum dalam filem-filem Yasmin, seterusnya mengkaji keberkesanannya mempengaruhi persepsi penonton terhadap keharmonian kaum. Menyentuh filem-filem Yasmin yang menjadi bahan kajian iaitu, "Sepet" (2004), "Gubra" (2005), "Muallaf" (2008) dan "Talentime" (2009), filem-filem ini dipilih berdasarkan tema keharmonian kaum yang dibawa. Dalam menjalankan kajian ini, Kavita menganalisis kandungan naratif dalam keempat-empat filem menggunakan Instrumen Analisis Kandungan Filem (*Film Content Analysis Instrument*) oleh Mathew Mathews. Bagi melihat keberkesanan filem-filem Yasmin dalam mempengaruhi persepsi penonton terhadap keharmonian kaum, Kavita menjawab soal selidik yang sama sebanyak dua kali dalam tempoh dua minggu, seterusnya menggunakan Skala Empati Etnobudaya (*Ethnocultural Empathy Scale*) oleh Wang *et. al* (2003) untuk tujuan penilaian. Pertama, hasil analisis kajian ini mendapati bahawa pemaparan keharmonian kaum dapat dilihat melalui kandungan naratif filem-filem Yasmin. Dalam filem-filem Yasmin ini, keharmonian kaum dimanifestasikan melalui toleransi terhadap perbezaan, sebagaimana yang diungkapkan oleh Kavita seperti dalam petikan Lamp. 1.2.2 (g), hal. 8, bhgn. Lamp. Kavita turut menyatakan, berbeza dengan "Sepet" (2004), Toleransi Agama dalam "Gubra" (2005) dimanifestasikan dengan mengabaikan nilai-nilai Melayu-Islam dalam bertoleransi terhadap perbezaan, seperti pernyataan dalam petikan Lamp. 1.2.2 (h), hal. 8, bhgn. Lamp. Merujuk kepada ungkapan ini, Kavita berpendapat pengharmonian kaum di Malaysia memerlukan masyarakat, dalam keadaan-keadaan tertentu, mengabaikan nilai-nilai tertentu dalam budaya sendiri. Ungkapan Kavita ini jelas menunjukkan

bahawa filem-filem Yasmin cenderung memaparkan pengabaian terhadap nilai-nilai Islam. Kedua, hasil analisis kajian ini mendapati perubahan hasil Skala Empati Etnobudaya sebelum dan selepas menonton filem-filem Yasmin, menjelaskan bahawa filem-filem ini dilihat meningkatkan penerimaan masyarakat terhadap keharmonian kaum, yang dimanifestasikan melalui toleransi terhadap perbezaan dalam masyarakat. Apa yang menjadikan kajian ini relevan sebagai sorotan literatur adalah pemaparan keharmonian masyarakat yang memerlukan toleransi terhadap perbezaan untuk dicapai. Hal ini kerana, keharmonian masyarakat yang menuntut toleransi terhadap perbezaan untuk dicapai ini merujuk kepada pemahaman ringkas terhadap Multikulturalisme.

Selanjutnya, pengamatan diteruskan terhadap artikel Lee Yuen Beng bertajuk "Yasmin Ahmad: Auteuring a New Malaysian Cinematic Landscape" (2015). Artikel ini membangkitkan permasalahan berkaitan kebolehan Yasmin sebagai seniman filem alaf baru dalam industri filem Malaysia. Artikel ini menghujahkan bahawa filem-filem Yasmin mempunyai kemahiran sinematik dan gaya artistik yang tinggi serta sinonim dengan tema kepelbagaian kaum dan etnik di Malaysia. Berlatar belakangkan permasalahan di atas, artikel ini bertujuan untuk mengkaji kemampuan Yasmin sebagai seniman filem, melalui kualiti dan ciri-ciri sinematik, kelainan gaya pengarahan serta naratif sinematik yang digunakan. Bagi mencapai objektif ini, artikel ini mengkaji lima filem Yasmin iaitu "Rabun" (2003), "Sepet" (2004), "Gubra" (2005), "Mualla" (2008) dan "Talentime" (2009). Artikel ini mengguna pakai definisi pengarang yang dijelaskan oleh Sarris (m.2012) seperti yang dijelaskan oleh Lee Yuen Beng dalam petikan di Lamp. 1.2.2 (i), hal. 8, bhgn. Lamp. Bertitik tolak daripada pemahaman Sarris ini, kajian Lee Yuen Beng berupaya mengemukakan beberapa hasil analisis. Pertama, hasil analisis mendapati kebolehan Yasmin memaksimumkan kemahiran artistik dan estetik dalam menghasilkan filem walaupun dengan penggunaan teknik-teknik asas membolehkan filem-filem Yasmin merentas pelbagai sempadan khususnya sempadan perkauman dan kebudayaan. Hal ini turut membolehkan penggunaan naratif yang pelbagai dalam filem-filem beliau, seterusnya menjadikannya seorang seniman. Hasil analisis kajian ini sememangnya bertujuan untuk melihat kemampuan Yasmin yang membolehkannya diangkat sebagai seorang seniman, namun begitu, perbincangan hasil analisis kajian ini turut meliputi Multikulturalisme dan Toleransi Agama dalam filem-filem Yasmin. Menyentuh mengenai isu Multikulturalisme yang terdapat dalam filem-filem Yasmin, Lee Yuen Beng menyatakan bahawa elemen-elemen Multikulturalisme yang terdapat dalam filem-filem Yasmin antaranya adalah isu berkaitan seksualiti, hubungan gender dan politik, sebagaimanaungkapannya yang dapat dilihat dalam petikan Lamp. 1.2.2 (j) (i) dan Lamp. 1.2.2 (j) (ii), hal. 9, bhgn. Lamp. Merujuk kepada pernyataan Lee Yuen Beng bahawa isu Multikulturalisme yang diketengahkan dalam filem-filem Yasmin melampaui batas Multikulturalisme (*'beyond multiculturalism'*) (rujuk Lamp. 1.2.2 (j) (ii)) apa yang dimaksudkannya adalah merujuk kepada Kosmopolitanisme. Hal ini dapat dilihat menerusi ungkapan Lee Yuen Beng seperti dalam Lamp. 1.2.2 (k), hal. 9. Secara ringkasnya, masyarakat Multikulturalisme dan Kosmopolitanisme merupakan struktur masyarakat yang mengakui kepelbagaian dengan menerima kelainan dan perbezaan kemudian bertoleransi terhadap perbezaan tersebut. Perbezaan ini

termasuklah perbezaan agama. Lee Yuen Beng menyatakan bahawa Yasmin sebagai seniman telah berjaya mengetengahkan masyarakat Multikulturalisme dan Kosmopolitanisme ini ke dalam filem-filemnya, sebagaimana yang diungkapkannya dalam petikan Lamp. 1.2.2 (l), hal. 9 bhgn. Lamp. Berdasarkan ungkapan Lee Yuen Beng ini dapat dilihat dalam mencapai Multikulturalisme dan Kosmopolitanisme, perbezaan bangsa, etnik, agama, nilai kebudayaan dan gender perlu diabaikan. Pengabaian aspek perbezaan tertentu ini merujuk kepada toleransi terhadap aspek perbezaan tersebut. Dengan demikian, artikel Lee Yuen Beng ini turut membincangkan Toleransi Agama dalam mendapatkan hasil analisis yang dibincangkan di atas. Menyentuh filem-filem Yasmin dalam artikel ini, Lee Yuen Beng menyatakan bahawa filem Yasmin menguji toleransi etnik dan agama, seperti yang diungkapkannya dalam petikan Lamp. 1.2.2 (m), hal. 10, bhgn. Lamp. Dalam hal toleransi ini, penting untuk dinyatakan kecenderungan Lee Yuen Beng untuk menerima tindakan Yasmin yang menguji toleransi dalam masyarakat bagi membolehkannya memaparkan masyarakat Multikulturalisme dan Kosmopolitanisme dalam filem-filemnya. Hal ini dapat dilihat dalam ungkapannya seperti dalam petikan Lamp. 1.2.2 (n), hal. 10, bhgn. Lamp. Bertitik tolak daripada artikel Lee Yuen Beng ini, dapat dilihat perkaitan yang erat antara Multikulturalisme dan Kosmopolitanisme dengan Toleransi Agama dalam filem-filem Yasmin. Dengan itu, artikel ini relevan sebagai sorotan literatur bagi kajian ilmiah berkaitan filem-filem Yasmin.

### **1.2.3 Kajian Ilmiah Yang Memperakukan Toleransi Agama dalam Filem-Filem Yasmin Ahmad**

Pengamatan ini diteruskan lagi terhadap tesis kedoktoran oleh Norman Yusoff (seterusnya Norman) bertajuk "Contemporary Malaysian Cinema Genre, Gender and Temporality" (2013). Tesis ini membangkitkan permasalahan mengenai manifestasi gender dan soal "masa" (*temporality*) dalam filem-filem kontemporari Malaysia. Tesis ini menghujahkan bahawa pertembungan antara "kemodenan" (*modernity*) Barat dan Islam telah menyebabkan wujudnya dikotomi identiti dalam kalangan masyarakat Malaysia pada hari ini. Dikotomi identiti ini dianggap telah mempengaruhi manifestasi gender dan soal "masa" dalam filem-filem kontemporari Malaysia. Berlatar belakangkan permasalahan di atas, tesis ini bertujuan untuk membuktikan pembikinan semula genre membentuk filem yang lebih dinamik dan hibrid, seterusnya mempengaruhi manifestasi soal dikotomi identiti berasaskan gender dan dikotomi akibat pertembungan "kemodenan" Barat dan Melayu-Islam. Tujuan akhir tesis ini adalah melihat filem-filem kontemporari Malaysia sebagai mengkritik aspek yang bertentangan dengan "kemodenan" Malaysia selepas penjajahan. Bagi mencapai objektif-objektif ini, tesis ini mengkaji lapan filem Malaysia yang dikategorikan dalam genre romantik, komedi, seram dan aksi. Filem-filem yang dikaji ini ditayangkan secara komersial antara 2004 hingga 2012, justeru dapat dianggap bersifat kontemporari. Merujuk kepada filem-filem Yasmin yang menjadi fokus kajian ini, tesis Norman ini meneliti antaranya filem "Sepet" (2004) dan "Mukhsin" (2006). Dalam menganalisis filem-filem yang dikaji, tesis ini menerapkan satu teori yang diutarakan oleh Lalitha Gopalan dan dikenali sebagai "*Cinema of Interruptions*". Pada asasnya, teori "*Cinema of*

*Interruptions*” ini dikatakan meyakini bahawa genre filem berubah apabila digunakan di Asia kerana kemasukan unsur-unsur kebudayaan tempatan dalam genre tersebut. Dengan kata lain, genre di Asia berbeza dan genre tersebut tidak lagi seperti yang dikonsepsikan pada tahap global. Dengan pemahaman inilah, teori ini dinamakan sebagai “*Cinema of Interruptions*”, dengan pengertian bahawa genre sejagat kini telah di”ganggu” (*interrupted*) dengan unsur-unsur kebudayaan tempatan. Dengan menerapkan teori ini, tesis Norman berupaya mengemukakan beberapa hasil analisis. Pertama, tesis ini mendapati genre romantik, komedi, seram dan aksi menjadi lebih dinamik dan hibrid apabila digunakan dalam konteks filem-filem di Indonesia dan Malaysia. Norman menjelaskan genre-genre ini menerima “mode” melodrama iaitu mode yang digunakan secara meluas di Asia bagi melepasi sempadan kebudayaan. “Mode” melodrama ini juga merupakan unsur-unsur kebudayaan Asia. Kemasukan unsur-unsur kebudayaan tempatan ini menyebabkan manifestasi soal “masa” dalam filem menjadi tidak linear. Hal ini membawa kepada hasil analisis seterusnya iaitu, manifestasi soal dikotomi berasaskan gender dan dikotomi akibat pertembungan “kemodenan” Barat dan Melayu-Islam yang tidak lagi menepati pandangan dominan masyarakat. Menyentuh filem Yasmin yang menjadi bahan kajian, Norman menyatakan manifestasi dikotomi gender dan identiti Melayu dilihat pada watak Orked dalam filem “Sepet” (2004) yang memakai baju kurung tradisional dan dipadankan dengan kasut *sneakers*. Menurut Norman, baju kurung tradisional ini menunjukkan sifat kewanitaan dan ke-Melayuan Orked, sementara kasut *sneakers* tersebut menunjukkan “kemodenan” dan sifat kekelakiannya. Hasil analisis yang berikutnya adalah kritikan filem-filem kontemporari terhadap aspek yang bercanggah dengan “kemodenan” Malaysia selepas penjajahan. Berhubung dengan hasil analisis yang berikutnya ini, beberapa pandangan Norman perlu dijelaskan terlebih dahulu bagi menjelaskan pendapatnya berkaitan filem-filem Yasmin yang dikaji. Menurut Norman, “kemodenan” Malaysia selepas penjajahan mendatangkan kesan yang berlawanan dengan “kemodenan” yang sebenar. Norman menjelaskan pandangannya mengenai “kemodenan” Malaysia ini dengan memetik ungkapan Anthony Giddens (lahir 1938), “*as a dialectical phenomenon, in which events at one pole of a distanced relation often produce divergent or even contrary occurrences at another*” (Norman, 2013: 13). Seterusnya Norman menjelaskan bahawa pertembungan adat Melayu yang berteraskan Islam dengan kemodenan Barat membawa pertentangan nilai dalam masyarakat. Dalam hal ini, Norman cenderung untuk berpendapat bahawa “kemodenan” Barat dan kedatangan Islam kedua-duanya menyebabkan kehilangan identiti Melayu seperti yang diungkapkannya mengenai isu Orked berkemban dalam filem “Sepet” iaitu, “*This image of kembangan signifies sensual, bucolic images of traditional Malay femininity, images that were considered appropriate prior to the encroachment of Western modernity and Islamic revivalism*” (Norman, 2013: 267). Menyentuh mengenai Islam, Norman berpendapat kemunculan agama, khususnya Islam dalam politik sebagai faktor meningkatnya jurang perbezaan “etno-agama” seperti ungkapannya, “*Many of the study’s participants cited the emergence of religion, primarily Islam, as an ethno-political category or global Islamisation as a cause for the increasing boundary between ethno-religious groups*” (Norman, 2013: 256). Selanjutnya, menurut Norman dalam konteks inilah filem-filem Yasmin berfungsi sebagai kritikan terhadap aspek yang bercanggah dengan “kemodenan” Malaysia selepas penjajahan, kerana muncul ketika masyarakat

dihangatkan dengan isu politik perkauman dan Islamisasi. Norman menyatakan bahawa filem-filem Yasmin iaitu “Sepet” (2004) dan “Mukhsin” (2006) muncul dengan “kemodenan” alternatif yang dijelaskan oleh Maila Stivens sebagai “kemodenan” yang berbeza dengan “kemodenan” Barat, yang berorientasikan nilai-nilai Islam, identiti Melayu dan Asia. (Norman 2013: 48). Apa yang dimaksudkan dengan kemodenan alternatif menurut Norman ini adalah keadaan di mana pertentangan nilai yang terhasil diselesaikan dengan mengharmonikan nilai-nilai yang ada antara satu sama lain. Dalam hal ini, Norman menyatakan bahawa “kemodenan” alternatif ini dimanifestasikan dalam filem-filem Yasmin seperti ungkapannya, “*In Sepet and Mukhsin, kampong or small-town adolescent girls like Orked (Sepet and Mukhsin) defy notions of traditional Malay-Muslim femininity*” (Norman, 2013: 297). Jelas melalui pernyataan ini kecenderungan Norman untuk menerima pengabaian nilai-nilai Melayu-Islam yang dimanifestasikan oleh Yasmin dalam “Sepet” (2004) dan “Mukhsin” (2006) sebagai penyelesaian terhadap jurang perbezaan “etno-agama” dan politik perkauman dalam masyarakat. Lanjutan daripada hasil analisis Norman ini, timbul persoalan mengenai keperluan kepada pengabaian nilai-nilai tertentu dalam mencapai perpaduan dalam masyarakat. Perlu dijelaskan bahawa, keperluan kepada pengabaian nilai-nilai tertentu ini merujuk kepada proses yang diperlukan dalam toleransi. Dan dalam konteks filem “Sepet” (2004) dan “Mukhsin” (2006) yang mengabaikan nilai-nilai Melayu-Islam, hal ini membawa kepada Toleransi Agama. Yang lebih menarik dalam kajian Norman ini adalah pandangan negatifnya terhadap bukan sahaja “kemodenan” Barat tetapi juga Islam dengan menghujahkan bahawa kesan Islam sama seperti “kemodenan” Barat, menghilangkan identiti seorang Melayu, sedangkan adat Melayu adalah berteraskan Islam. Di sini jelas bahawa Norman, pada satu tahap tertentu, menyamakan Islam dengan “kemodenan” Barat. Dalam hal inilah kajian Norman ini menjadi relevan sebagai sorotan literatur kepada kajian yang sedang dijalankan.

Seterusnya, pengamatan ini meneliti pula tesis kedoktoran oleh Hanita Mohd Mokhtar Ritchie (seterusnya Hanita) bertajuk “Female Representation and Melodramatic Mode in Malaysian-Malay Films from the Early 1990s-2009” (2011). Tesis ini membangkitkan persoalan mengenai manifestasi watak wanita menggunakan mode melodrama sebagai bentuk penceritaan dalam filem-filem Melayu di Malaysia. Tesis ini menjelaskan bahawa melodrama merupakan manifestasi budaya yang telah dipersetujui dalam masyarakat. Lanjutan daripada permasalahan tersebut, tesis ini bertujuan untuk mengkaji pembinaan watak protagonis wanita menggunakan mode melodrama dalam filem-filem terpilih bermula tahun 1990-an hingga 2009. Seterusnya mencadangkan pemaparan watak protagonis wanita dalam filem-filem terpilih bermula tahun 1990-an hingga 2009 ini mendedahkan perubahan dimensi sosial dan pemberian peranan baru kepada wanita dalam ekonomi. Bagi mencapai objektif ini, tesis ini memilih 16 buah filem melodrama bermula tahun 1990 hingga 2009 sebagai bahan kajian. Filem-filem ini dipilih kerana manifestasi wanita sebagai protagonis dalam filem-filem tersebut. Hal ini menjadikan filem-filem Yasmin iaitu “Sepet” (2005), “Gubra” (2006), “Mukhsin” (2007) dan “Muallaf” (2009) antara bahan kajian. Dalam tesis ini, Hanita menerapkan idea daripada esei *Pleasurable Negotiation* oleh Christine Gledhill (lahir 1943) berkaitan persefahaman kebudayaan dalam mode melodrama.

Secara umumnya, *Pleasurable Negotiation* mengetengahkan bahawa persefahaman kebudayaan dalam mode melodrama adalah pemaparan gender, iaitu produk kebudayaan yang terhasil daripada hubungan antara subjek teksual dan subjek sosial. *Pleasurable Negotiation* menyatakan mode melodrama memaparkan kedudukan wanita dalam sistem patriarki, iaitu sebagai isteri, ibu dan wanita berkerjaya, wanita dilamun cinta, dan wanita sebagai objek seksual. Watak wanita ini seterusnya dibahagikan kepada 'heroin' (wirawati) yang berdikari atau/dan mangsa keadaan. Dengan menerapkan idea ini ke dalam tesis yang dijalankan, Hanita menyatakan bahawa dalam konteks Malaysia, pengkritik dan pengulas filem sering melihat mode melodrama sebagai elemen yang memaparkan penindasan terhadap wanita. Hanita memperincikan idea ini dengan mengkategorikan watak wanita ini kepada protagonis wanita dalam tema kemodenan/emansipasi, cinta dan seksualiti. Seterusnya, Hanita menggunakan pendekatan analisis tekstual untuk menganalisis penglibatan dan kedudukan wanita dalam sosio-ekonomi dan politik. Berlatar belakangkan pemahaman ini, tesis Hanita berupaya mengemukakan beberapa hasil analisis. Pertama, tesis Hanita ini mendapati elemen-elemen melodrama iaitu muzik latar, *mise en scene*, serta 'pathos' (kehibaan) dan emosi yang berlebih-lebihan digunakan bagi memanasikan watak protagonis wanita berdasarkan kedudukan wanita dalam sistem patriarki. Menyentuh filem-filem Yasmin yang menjadi bahan kajian, Hanita menyatakan bahawa watak protagonis wanita dalam filem "Gubra" (2006) dan "Muallaf" (2009) dilihat sebagai mangsa keadaan. Hal ini berikutan kegagalan kedua-dua watak untuk menjayakan tema filem tersebut iaitu kemodenan/emansipasi. Hanita menjelaskan bahawa watak Orked dalam "Gubra" (2006) dilihat sebagai mangsa keadaan kerana walaupun kehidupan Orked dianggap selesai, wanita berkerjaya, namun Orked menjadi mangsa kecurangan suaminya, seperti yang dinyatakan dalam ungkapan di Lamp. 1.2.3 (a), hal. 10, bhgn. Lamp. Sementara watak Rohani dalam "Muallaf" (2009) pula dilihat sebagai mangsa keadaan kerana gagal melarikan diri daripada bapa yang telah menderanya. Sebaliknya Rohani masih memainkan peranannya sebagai anak yang taat, seperti yang dinyatakan oleh Hanita seperti petikan Lamp. 1.2.3 (b), hal. 10, bhgn. Lamp. Dalam hal ini, Hanita beranggapan pengakhiran watak Orked dalam filem "Gubra" (2006) dan Rohani dalam "Muallaf" (2009) sebagai mangsa keadaan melibatkan penggunaan 'pathos' bagi menggambarkan kedudukan wanita dalam sistem patriarki. Hanita turut berpendapat bahawa kedudukan wanita dalam sistem patriarki tidak boleh diperbaiki, seperti ungkapannya, "... *feminist cultural history reveals that the figure of woman cannot be fixed in her patriarchal value*" (Hanita, 2011: 82). Sementara itu watak protagonis wanita dalam filem "Sepet" (2005) dan "Mukhsin" (2007) yang bertemakan cinta dan seksualiti pula dilihat sebagai wirawati kerana watak protagonis wanita dilamun cinta yang dipaparkan berani mendepani cabaran dalam perhubungan. Hal ini dapat dilihat pada ungkapan Hanita dalam Lamp. 1.2.3 (c), hal. 10, bhgn. Lamp. Sementara watak Orked dalam "Mukhsin" (2007) pula dilihat sebagai wirawati yang berdikari kerana cuba mengubah persahabatannya dengan Mukhsin kepada hubungan percintaan, seperti yang diungkapkannya dalam petikan Lamp. 1.2.3 (d), hal. 11, bhgn. Lamp. Seterusnya, hasil analisis tekstual terhadap sejarah kedudukan wanita di Malaysia, Hanita menyatakan bahawa pemaparan watak protagonis wanita seperti yang dipaparkan oleh Yasmin ini menunjukkan bahawa wanita mulai mendapat peranan baru dalam sosio-

ekonomi dan masyarakat. Wanita mulai memainkan peranan sebagai wanita yang berkerjaya dan mendapat pendidikan tinggi, seperti yang digambarkan oleh watak Orked dalam "Sepet" (2005) dan "Gubra" (2006). Adalah penting untuk dijelaskan, walaupun tesis Hanita ini bertujuan untuk mengkaji manifestasi wanita dengan penggunaan melodrama, namun hasil analisis yang dibincangkannya berkaitan filem-filem Yasmin tidak lari dari isu toleransi agama. Menurut Hanita, hanya dengan penggunaan melodrama Yasmin mampu mewujudkan perwatakan dan dunia yang dikhayalkannya. Watak-watak yang dibina oleh Yasmin mampu menangani isu hubungan antara kaum dengan cara lebih melibatkan diri dan berhubung dengan lelaki 'lain', sebagaimana yang dinyatakan oleh Hanita dalam Lamp. 1.2.3 (e), hal. 11, bhgn. Lamp. Dalam konteks ini, perlu difahami bahawa 'lain' yang dipaparkan dalam "Sepet" (2005) dan "Gubra" (2006), bukan hanya melibatkan ke'lain'an kaum tetapi juga melibatkan ke'lain'an agama. Ke'lain'an yang wujud dalam hubungan tersebut menuntut kepada toleransi dan belas kasihan kepada perbezaan yang ada. Justeru itu, hubungan yang terjalin antara Orked dengan Jason ("Sepet" (2005) dan Orked dengan Alan ("Gubra" (2006) tidak lari daripada Toleransi Agama. Menyentuh filem-filem Yasmin yang menjadi bahan kajian, Hanita menjelaskan bahawa watak bukan-Melayu tertarik kepada watak wanita Melayu kerana toleransi dan belas kasihan yang ada pada watak wanita tersebut, sebagaimana ungapannya yang terdapat dalam Lamp. 1.2.3 (f), hal. 11, bhgn. Lamp. Menerusi ungkapan Hanita ini, jelas bahawa watak wanita Melayu yang dikhayalkan oleh Yasmin ini mempunyai sikap toleransi dan belas kasihan terhadap perbezaan bagi memungkinkan pemaparan Malaysia yang dikhayalkannya. Dan Hanita beranggapan bahawa watak wanita yang dipaparkan oleh Yasmin ini perlu dicontohi oleh orang Melayu di Malaysia bagi mewujudkan keharmonian di kalangan etnik lain yang turut berkongsi Malaysia sebagai 'rumah' mereka. Hanita turut menyatakan bahawa watak wanita yang berdikari ini merupakan saluran bagi Yasmin untuk menggambarkan Malaysia pasca-modern yang dikhayalkannya iaitu menarik, bertoleransi dan bertolak-ansur, seperti yang dinyatakannya dalam ungkapan di Lamp. 1.2.3 (g), hal. 11, bhgn. Lamp. Dalam hal ini, Malaysia yang dikhayalkan oleh Yasmin adalah Malaysia yang mengabaikan perbezaan agama dan bangsa dan bersatu di bawah kemanusiaan. Menerusi ungkapan tersebut juga dapat dilihat kecenderungan Hanita untuk menerima pendirian Yasmin yang meletakkan setiap agama dalam kedudukan yang sama melalui pemaparan watak berlainan agama yang bersembahyang mengikut agama masing-masing. Dengan itu, dapat disimpulkan bahawa apa yang dilihat oleh Hanita dalam filem-filem Yasmin yang dianggapnya menggunakan melodrama bagi membina watak protagonis wanita ini, dalam pembinaan watak protagonis wanita tersebut, Yasmin turut memaparkan Toleransi Agama bagi membolehkannya menggambarkan Malaysia dan masyarakat yang dikhayalkannya.

Seterusnya pengamatan terhadap kajian berkaitan filem-filem Yasmin diteruskan terhadap kertas kerja oleh Farah Azalea Mohamed Al Amin (seterusnya Farah Azalea) bertajuk "Controversies Surrounding Malaysian Independent Female Director Yasmin Ahmad's First Film, Sepet" (2008). Kertas kerja ini membahaskan mengenai perdebatan yang mengitari "Sepet" (2005). Menurut Farah Azalea, "Sepet" (2005) yang memberi nafas baru terhadap industri filem di Malaysia sewajarnya mendapat merit atas



sumbangan tersebut. Sebaliknya, filem “Sepet” (2005) menerima kritikan dari pelbagai pihak kerana isu yang disampaikan. Menurut Farah Azalea, isu yang disampaikan dalam filem tersebut adalah keharmonian yang mampu dicapai oleh masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa. Berdasarkan kepada permasalahan tersebut, kertas kerja ini bertujuan untuk mendedahkan ciri utama filem “Sepet” (2005) dalam mengetengahkan isu keharmonian yang mampu dicapai oleh masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa. Sehubungan itu, kertas kerja ini ingin mengkaji kesamaran penamat filem ini sebagai ciri utama filem “Sepet” (2005). Bertitik tolak daripada objektif tersebut, kertas kerja Farah Azalea ini berupaya mengemukakan beberapa hasil analisis. Pertama, ciri utama filem “Sepet” (2005) dalam mengetengahkan isu keharmonian yang mampu dicapai oleh masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa adalah penggunaan “stratagem”. “Stratagem” merupakan “perancangan yang bertujuan untuk mengelirukan pihak lawan” (*a plan or scheme intended to outwit an opponent (Compact Oxford Dictionary Thesaurus and Wordpower Guide, 906: 2006)*). Berdasarkan pemahaman tersebut, muslihat yang digunakan oleh Yasmin adalah penerimaan terhadap perbezaan dan pelanggaran nilai-nilai Melayu Islam. Menurut Farah Azalea, Yasmin bukan sahaja menggambarkan keharmonian masyarakat Malaysia seperti yang dilakukan dalam kebanyakan media massa, iaitu dengan melibatkan tiga bangsa utama di Malaysia. Sebaliknya Yasmin juga mencabar penonton untuk mengabaikan perbezaan yang wujud antara watak-watak tersebut, bukan hanya bangsa bahkan agama, seperti ungunya di Lamp. 1.2.3 (h), hal. 12, bhgn. Lamp. Farah Azalea menyatakan bahawa penggunaan ‘stratagem’ oleh Yasmin ada ketikanya melanggar nilai-nilai dominan orang Melayu yang sinonim dengan Islam, menyebabkan filem “Sepet” (2005) menerima pelbagai kritikan. Farah Azalea turut menyatakan bahawa pelanggaran nilai-nilai dominan Melayu yang sinonim dengan Islam ini perlu bagi membolehkan Yasmin mengetengahkan isu keharmonian yang mampu dicapai oleh masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa secara terbuka. Kecenderungan Farah Azalea untuk menerima penggunaan ‘stratagem’ yang melanggar nilai-nilai Melayu-Islam ini dapat dilihat pada ungunya dalam Lamp. 1.2.3 (i), hal. 12, bhgn. Lamp. Lanjutan daripada hasil analisis pertama ini, Farah Azalea menyatakan bahawa kesamaran penamat filem “Sepet” (2005), iaitu menamatkan hubungan Orked dan Jason tanpa penamat yang jelas merupakan salah satu ‘stratagem’. Penggunaan ‘stratagem’ bagi mewujudkan kesamaran penamat filem “Sepet” (2005) ini adalah bagi mengelakkan kritikan yang lebih ekstrim terhadap filem ini. Menurut Farah Azalea, dengan memberi penamat yang tidak jelas dalam filem “Sepet” (2005), Yasmin memberi kebebasan kepada penonton untuk menamatkan filem tersebut seperti ungunya, “... *Ahmad left the ending hanging, leaving it to the audience to decide what had happened...*” (Farah Azalea, 2008: 10-11). Apa yang menjadikan kertas kerja Farah Azalea ini relevan sebagai sorotan literatur adalah kecenderungan Farah Azalea untuk menerima pelanggaran nilai-nilai Melayu yang diakuiinya sinonim dengan Islam sebagaimana yang terdapat dalam ungunya dalam Lamp. 1.2.3 (j), hal.12, bhgn. Lamp. Bagi menjelaskan hal ini, penting untuk dipastikan di mana Farah Azalea dan Yasmin meletakkan agama Islam dalam filem “Sepet” (2005). Kedudukan agama Islam dalam filem “Sepet” (2005) ini boleh dilihat melalui ungkapan Farah Azalea mengenai pertanyaan secara peribadi kepada Yasmin seperti yang terdapat dalam Lamp. 1.2.3 (k), hal. 12, bhgn. Lamp. Berdasarkan

ungkapan tersebut, dapat dilihat bahawa Yasmin mengeneppikan kedudukan agama, termasuklah agama Islam dalam filem "Sepet" (2005), dan hal ini disetujui oleh Farah Azalea. Pengeneppian kedudukan agama, termasuk agama Islam inilah yang membolehkan Farah Azalea menerima pelanggaran nilai-nilai dominan Melayu-Islam dan pengabaian terhadap perbezaan agama yang dilakukan oleh Yasmin dalam filem "Sepet" (2005). Dalam hal ini, Farah Azalea menjelaskan bahawa perkembangan hubungan Orked dan Jason yang tidak menyentuh soal keperluan untuk menukar agama (Jason memeluk agama Islam) menunjukkan bahawa hubungan tersebut tidak terikat kepada apa-apa bentuk pengakhiran, sebagaimana ungkapannya yang terdapat dalam Lamp. 1.2.3 (l), hal. 13, bhgn. Lamp. Apa yang dianggap oleh Farah Azalea sebagai penerimaan terhadap perbezaan dalam pernyataan ini, termasuklah perbezaan agama dan ketidak terikatan terhadap keperluan untuk bertukar agama kepada agama Islam ini jelas merujuk kepada Toleransi Agama. Hal ini menjadikan kertas kerja Farah Azalea ini relevan sebagai sorotan literatur bagi kajian berkaitan filem Yasmin.

#### **1.2.4 Kajian Ilmiah yang Memperakukan Pluralisme Agama dalam Filem-filem Yasmin Ahmad**

Pengamatan ini diteruskan terhadap artikel oleh Khoo Gaik Cheng (seterusnya Khoo) bertajuk "Reading the Films of Independence Filmmaker Yasmin Ahmad, Cosmopolitanism, Sufi Islam and Malay Subjectivity" (Daniel P.S Goh, Matilda Gabrielpillai, Philip Holden & Khoo Gaik Cheng, 2009: 107-123). Artikel ini mengemukakan permasalahan mengenai serangan media oleh golongan elit kebudayaan Melayu terhadap filem-filem Yasmin. Artikel ini menghujahkan bahawa filem-filem Yasmin dilihat memaparkan sikap Melayu kosmopolitan yang menjalani hubungan rentas budaya dan menekankan perspektif sufi Islam liberal yang mencabar kekuasaan Islam di Malaysia. Khoo menjelaskan bahawa hal ini dilihat sebagai membahayakan kedudukan filem Melayu dan hegemoni identiti Melayu. Berlatar belakangkan permasalahan ini, artikel ini bertujuan menganalisis sikap Melayu dan mendedahkan kesannya terhadap Kosmopolitanisme, seterusnya membincangkan elemen sufi Islam liberal dalam filem-filem Yasmin. Bagi mencapai objektif-objektif ini, artikel ini memilih "Rabun" (2003), "Sepet" (2004) dan "Gubra" (2006) sebagai bahan kajian. Filem-filem ini dianalisis menggunakan konsep Kosmopolitanisme. Khoo menyatakan konsep kosmopolitan yang dipegangnya adalah konsep kosmopolitan oleh David Hollinger, iaitu konsep kosmopolitan seperti berikut, "*By 'cosmopolitan', I refer to theories of cosmopolitanism which respect cultural difference but do not enforce border around ethnicity*" (Khoo, 2009: 112). Secara ringkasnya, konsep kosmopolitanisme memfokuskan subjektiviti manusia, menekankan perbezaan etnik tanpa meminggirkan kategori ahli masyarakat yang lain. Dengan menerapkan konsep kosmopolitanisme, artikel ini mengemukakan beberapa analisis. Pertama, artikel Khoo ini mendapati sikap dan identiti Melayu yang terdapat pada golongan elit kebudayaan Melayu bertentangan dengan pemaparan sikap Melayu dalam filem Yasmin. Khoo menjelaskan perbezaan tersebut dengan memetik pendapat Akmal dari *Berita Harian*, seperti yang terdapat dalam Lamp. 1.2.4 (a), hal. 13, bhgn. Lamp. Menurut Khoo, disebabkan perbezaan inilah filem-filem Yasmin mendapat

kritikan, yang mana turut diperkuatkan dengan sejarah perbezaan kedudukan Melayu dan bangsa lain terutamanya Cina ketika zaman penjajahan Barat. Khoo menjelaskan bahawa sebagai satu wacana modenisme, golongan elit kebudayaan Melayu beranggapan mengejar kemajuan menggadaikan identiti Melayu. hal ini dapat dilihat melalui ungkapan Khoo seperti yang terdapat dalam Lamp. 1.2.4 (b), hal. 13, bhgn. Lamp. Seterusnya, hasil analisis mendapati penetapan imej Melayu-Islam ini mendatangkan kesan terhadap konsep kosmopolitanisme yang bertujuan membentuk masyarakat kosmopolitan. Khoo menjelaskan, filem-filem Yasmin tidak mencabar imej Melayu di mata golongan elit kebudayaan, sebaliknya, Yasmin hanya memanifestasikan versi Islam yang lebih hibrid; versi Islam Kosmopolitan, seperti ungkapannya dalam Lamp. 1.2.4 (c), hal. 13, bhgn. Lamp. Menarik untuk dilihat dalam ungkapan ini kecenderungan Khoo untuk melihat Kosmopolitanisme versi Islam bertentangan dengan Pluralisme. Sebaliknya, Khoo berpendapat bahawa Kosmopolitanisme versi Islam dipinjam dari Sufi Islam. Khoo menghuraikan pandangannya ini dengan menyatakan persamaan antara Sufism dan Kosmopolitanisme sebagaimana ungkapannya di Lamp. 1.2.4 (d), hal. 14, bhgn. Lamp. Berdasarkan hujah-hujah yang dikeluarkan oleh Khoo, wajarlah hanya persamaan yang dilihat signifikan antara kedua-dua konsep itu tadi, kerana Sufi Islam yang diperkatakan oleh Khoo ini bukanlah Sufi Islam menurut Islam tetapi merupakan Sufi Islam liberal.

Seterusnya, pengamatan diteruskan terhadap artikel oleh Ngo Sheau Shi dan Harith Baharudin (seterusnya Ngo & Harith) bertajuk "Pemaparan Kepelbagaian Budaya dan Agama dalam Filem *Muallaf* Arahan Yasmin Ahmad" (2015). Artikel ini mengutarakan permasalahan mengenai mesej kepelbagaian budaya dan agama dalam filem "Muallaf" (2008) yang tidak difahami oleh beberapa golongan. Menurut Ngo & Harith, hal ini kerana dalam memahami filem "Muallaf" (2008), golongan tersebut mengabaikan bahasa sinematik yang digunakan. Lanjutan daripada permasalahan ini, artikel ini bertujuan membuat analisis tekstual yang mendalam terhadap filem "Muallaf" (2008) seterusnya memfokuskan pemaparan isu keagamaan melalui penelitian struktur naratif dan penyusunan visual. Bagi mencapai objektif-objektif ini, artikel ini menerapkan kerangka teori kepelbagaian budaya berdasarkan konsep Kosmopolitan oleh Khoo Gaik Cheng (2009) bagi menganalisis bahan kajian. Pada asasnya, konsep Kosmopolitan merujuk kepada penerapan budaya dominan dalam masyarakat tanpa menghilangkan budaya minoriti dalam masyarakat tersebut. Menurut Ngo & Harith, konsep Kosmopolitan merujuk kepada konsep kesejagatan dan kasih sayang merentas perbezaan agama dalam kalangan masyarakat seperti apa yang dinyatakan oleh keduanya dalam pernyataan di Lamp. 1.2.4 (e), hal. 14, bhgn. Lamp. Dengan kata lain, konsep Kosmopolitan adalah proses akomodasi budaya dalam masyarakat. Teori kepelbagaian budaya digunakan sebagai melengkapi konsep Kosmopolitan melalui penelitian terhadap keadaan sosio-politik, elemen yang menurut Ngo & Harith, tidak terdapat dalam konsep Kosmopolitan. Beritik tolak daripada pemahaman ini, artikel Ngo & Harith mengemukakan beberapa hasil analisis. Pertama, dengan menggunakan elemen *mise en scene*, "Muallaf" (2008) dilihat sebagai filem yang meraikan kepelbagaian budaya. Kepelbagaian budaya ini menurut Ngo & Harith bukan hanya melibatkan etnik dan agama, tetapi juga pemahaman yang berbeza

terhadap agama Islam, seperti apa yang dinyatakan dalam ungkapan mereka di Lamp. 1.2.4 (f), hal. 14, bhgn. Lamp. Hasil analisis artikel ini turut mendedahkan “Muallaf” (2008) sebagai sebuah filem yang menyamaratakan semua agama yang berbeza dan menganggap semua agama adalah benar. Hal ini dapat dilihat pada ungkapan Ngo & Harith seperti di Lamp. 1.2.4 (g) (i), Lamp. 1.2.4 (g) (ii) dan Lamp. 1.2.4 (g) (iii) hal. 14-15, bhgn. Lamp. Dalam pernyataan di Lamp. 1.2.4 (g) (ii) dan Lamp. 1.2.4 (g) (iii), jelas memaparkan bahawa artikel Ngo & Harith ini cenderung untuk menerima Pluralisme Agama, iaitu penyamarataan terhadap semua agama dan menganggap semua agama adalah benar. Dalam masa yang sama, hasil analisis artikel ini turut memperlihatkan pandangan Ngo & Harith yang menentang pendapat bahawa Islam berbeza dengan agama lain menerusi ungkapan yang disertakan dalam Lamp. 1.2.4 (h), hal. 15, bhgn. Lamp. Apa yang lebih menarik berkenaan artikel ini adalah hasil analisisnya yang menyatakan bahawa walaupun “Muallaf” (2008) menyamaratakan semua agama yang berbeza, namun Islam dimanifestasikan secara halus sebagai agama dominan dalam masyarakat (Ngo & Harith, 2015: 127). Penerimaan positif terhadap kebenaran agama lain seperti agama Islam ini jelas menunjukkan Toleransi Agama, iaitu kebenaran agama Islam terhadap kebenaran agama lain. Selain itu, artikel Ngo dan Harith menjadi relevan kepada kajian yang dijalankan ini kerana melalui hasil analisis, artikel ini dengan jelas menyatakan bahawa “Muallaf” (2008) memaparkan Toleransi Agama dan Pluralisme Agama, seterusnya menunjukkan sokongan terhadap isu tersebut secara terang-terangan.

### 1.3 Penyataan Masalah

Bertitik tolak daripada pengamatan terhadap kajian-kajian ilmiah sedia ada mendapati bahawa penerapan konsep *Taklif* sebagai kerangka analisis dalam kajian ilmiah sastera Melayu mampu menunjukkan kedudukan sastera Melayu dalam Islam dan kedudukan Islam dalam sastera Melayu. Akan tetapi, sebagaimana yang telah dibincangkan di atas, kajian-kajian ilmiah sedia ada yang menerapkan konsep *Taklif* sebagai kerangka analisis hanya menjurus kepada kajian cerpen dan novel. Hal ini mewujudkan lompong ilmiah berkaitan keupayaan konsep *Taklif* sebagai kerangka bagi menganalisis medium sastera lain, iaitu filem. Justeru, kajian ini berusaha untuk menerapkan konsep *Taklif* dalam kajian filem. Dalam masa yang sama, sorotan terhadap kajian berkaitan filem-filem Yasmin mendapati bahawa kajian-kajian ilmiah sedia ada rata-rata mengaitkan filem-filem Yasmin dengan nilai-nilai Islam. Dalam kajian-kajian ilmiah yang disoroti itu, filem-filem Yasmin rata-rata dianggap memperagakan Pluralisme Agama, iaitu satu fahaman yang berpendapat bahawa semua agama adalah benar. Perlu dijelaskan bahawa Pluralisme Agama berpasak pada fahaman bahawa setiap agama di dunia berasal dari Tuhan yang sama, sebagaimana yang akan dibincangkan lebih lanjut dalam Bab 2 nanti. Oleh itu, menurut fahaman Pluralisme Agama ini, kepelbagaian agama yang ada di dunia hanya laluan yang berbeza tetapi menuju kepada Tuhan yang sama. Fahaman inilah yang membawa kepada pengakuan kebenaran dalam setiap agama. Sorotan ini mendapati bahawa kajian-kajian ilmiah sedia ada rata-rata mengaitkan filem-filem Yasmin dengan Pluralisme Agama sama ada secara terang-terangan, atau menggunakan elemen-elemen Pluralisme Agama seperti

interaksi antarbudaya dan akomodasi budaya, serta turut menggunakan istilah alternatif bagi Pluralisme Agama seperti 'Multikulturalisme'. Sorotan ini juga mendapati bahawa kajian-kajian ilmiah sedia ada rata-rata menyimpulkan bahawa Pluralisme Agama dalam filem-filem Yasmin adalah sejajar dengan tuntutan Islam yang sejati. Apa yang lebih menarik ialah, kajian-kajian ilmiah tersebut tidak satu pun menggunakan kerangka analisis berteraskan Islam. Dengan kata lain, perakuan terhadap kesejajaran filem-filem Yasmin dengan Islam dilakukan tanpa menggunakan kerangka Islam itu sendiri. Hal ini dengan sendirinya mengundang persoalan tentang ketepatan kesimpulan serta kenyataan yang dibuat oleh kajian-kajian tersebut. Hakikat bahawa kajian-kajian ilmiah di atas tidak menggunakan kerangka Islam, dan sebaliknya menghasilkan kesimpulan yang sedemikian (perakuan terhadap kesejajaran filem-filem Yasmin dengan Islam), menjadi satu permasalahan atau lompong ilmiah yang serius. Justeru, kajian ini diusahakan bagi mengisi lompong tersebut. Untuk itu, kajian ini akan menerapkan kerangka *Taklif*, satu kerangka analisis yang berteraskan Islam untuk mengkaji manifestasi-manifestasi berkaitan agama khususnya apa yang diungkapkan dalam kajian-kajian ilmiah di atas sebagai Pluralisme Agama dalam filem-filem Yasmin.

#### 1.4 Objektif Kajian

Bertitik tolak daripada permasalahan di atas, kajian ini diusahakan bagi merealisasikan tiga objektif. Pertama, menyusun Kerangka *Taklif* sebagai kerangka analisis filem. Kedua, meneliti latar belakang Yasmin Ahmad sebagai pengkarya filem "Sepet" dan "Muallaf". Ketiga, mengapikasi Kerangka *Taklif* sebagai kerangka analisis bagi mengkaji filem "Sepet" dan "Muallaf" arahan Yasmin Ahmad.

#### 1.5 Kerangka Analisis

Sejajar dengan tajuk kajian, *Taklif* merupakan kerangka analisis bagi kajian ini. Hal ini berikutan kajian-kajian ilmiah sedia ada yang rata-rata menunjukkan keupayaan konsep *Taklif* untuk memperlihatkan kedudukan Islam dalam sastera Melayu dan kedudukan sastera Melayu dalam Islam. Konsep *Taklif* dicetuskan oleh Shah Waliyullah Al-Dihlawi RH, seorang sarjana Islam yang terkemuka dalam dunia keilmuan Islam. *Taklif* merupakan satu konsep yang dianggap seiring dengan akidah Tauhid, iaitu kerangka yang mendasari pandangan hidup Islam. Akidah Tauhid diasaskan kepada ilmu yang disampaikan oleh Allah SWT melalui jalan wahyu, iaitu Al-Quran dan As-Sunnah. Akidah Tauhid menuntut supaya manusia memperakukan Allah SWT sebagai satu-satunya Pencipta yang mencipta seluruh alam dan justeru hanya Allah SWT sahaja yang berhak dianggap sebagai Tuhan yang Esa yang layak untuk disembah. Bertunjangan kepada akidah Tauhid, konsep *Taklif* hadir bagi menjelaskan tentang tanggungjawab manusia untuk menyembah Allah SWT. Justeru, *Taklif* dikonsepsikan sebagai satu pembebanan dan kebertanggungjawaban manusia kepada Penciptanya yang telah termeterai sejak alam azali. Dalam dunia intelektual moden, konsep *Taklif* yang

dicetuskan oleh Shah Waliyullah Al-Dihlawi RH ini dapat difahami dalam konteks kebertanggungjawaban manusia kepada Allah SWT. Al-Quran Surah Al-Araaf, Ayat 172 antaranya menjelaskan tentang soal “janji” manusia untuk menyembah Penciptanya selama kehidupan mereka di muka bumi (Syed Muhammad Naquib Al-Attas mengungkapkannya sebagai “perjanjian asali” (*primordial covenant*) (Al-Attas, 2015: 240). Perbincangan lanjut tentang konsep *Taklif* ini akan dilanjutkan secara khusus dalam Bab 2. Pada tahap ini, memadai untuk dijelaskan bahawa *Taklif* merupakan satu konsep yang lahir daripada akidah Tauhid yang bersumberkan Al-Quran dan As-Sunnah iaitu sumber ilmu yang paling berautoriti dalam tradisi keilmuan Islam. Konsep *Taklif* ini diterapkan sebagai kerangka analisis (*analytical framework*) bagi menganalisis dua buah filem Yasmin yang dikatakan menangani soal Islam, sebagaimana yang jelas dalam sorotan terhadap kajian-kajian sedia ada di atas.

## 1.6 Skop Kajian

Sebagaimana yang tergambar dalam tajuk tesis ini, *Taklif* digunakan sebagai kerangka analisis dalam mengkaji filem-filem yang dipilih. Pemilihan konsep *Taklif* sebagai kerangka analisis ini adalah bagi memenuhi lompong ilmiah terhadap kajian berkaitan filem-filem Yasmin yang didapati sering menggunakan teori-teori bukan berteraskan Islam. Sebagaimana yang telah dibincangkan dalam sorotan literatur juga, rata-rata kajian terhadap filem-filem Yasmin cenderung mengaitkan filem-filemnya dengan Islam. Walaupun filem-filem Yasmin dilihat cenderung untuk menyetengahkan watak-watak yang terdiri daripada latar belakang agama yang berbeza, watak utama dalam filem-filem ini merupakan watak yang beragama Islam. Kecenderungan mengaitkan filem-filem Yasmin dengan Islam ini tidak sukar untuk diterima memandangkan Yasmin sendiri sebagai pengarah, merupakan seorang yang beragama Islam, sebagaimana yang dijelaskan oleh Shahnnon Ahmad berkaitan konsep sastera Islam, iaitu “sastera yang dihasilkan oleh orang Islam untuk manusia, sastera yang dihasilkan oleh orang-orang Islam mengikut estetika Islam untuk manusia dan sastera yang dihasilkan oleh manusia yang selaras dengan estetika Islam untuk manusia” (Mana Sikana, 2013: 110). Justeru dengan pemahaman Shahnnon Ahmad berkaitan sastera Islam ini, karya Yasmin dalam bentuk filem, boleh dianggap sebagai karya (sastera) Islam, kerana Yasmin beragama Islam, dan filem-filemnya turut dikaitkan dengan mesej-mesej Islam. Dengan itu, pemilihan *Taklif* untuk menilai mesej-mesej yang disinonimkan dengan Islam dalam filem Yasmin dianggap mampu memberikan penilaian yang tidak berat sebelah terhadap Yasmin sebagai pengarah dan juga filem yang dihasilkannya.

Seterusnya, Yasmin sebagai seorang pengarah filem, sudah pun dikenali namanya dalam industri perfileman. Di Malaysia, Yasmin mula dikenali melalui iklan-iklan ketika musim perayaan. Iklan-iklan Yasmin dikatakan sering kali menyetengahkan tiga etnik utama Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India serta memaparkan interaksi antarbudaya yang menggambarkan perpaduan dalam kalangan masyarakat tersebut. Sementara di luar negara pula, Yasmin dikenali

kerana kemampuan, keberanian dan keterbukaannya dalam memaparkan realiti masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai latar belakang budaya ke dalam filem-filem yang dihasilkannya. Filem-filem Yasmin sering kali tercalon dalam festival-festival filem di dalam dan luar negara. Walaupun sering kali mempromosikan perpaduan kaum yang dianggap penting dalam kehidupan masyarakat berbilang bangsa seperti yang terdapat di negara kita, namun pendekatan Yasmin yang dilihat sering menyentuh isu-isu sensitif dan dianggap taboo oleh masyarakat Malaysia, mengundang pelbagai perdebatan terhadap filem-filemnya. Hal ini kerana mesej-mesej yang disampaikan melalui filem-filem yang dihasilkannya sering kali disonimkan dengan tuntutan Islam yang sejati. Lanjutan daripada kemampuan ini, pemilihan filem-filem Yasmin sebagai bahan kajian dilihat mampu memenuhi potensi prinsip *Taklif* sebagai satu kerangka analisis berteraskan Islam dalam kajian ini.

Seterusnya, sebagai sebuah kajian ilmiah yang mempunyai ruang halaman yang terbatas, tesis ini hanya mampu meneliti dua buah filem Yasmin, iaitu "Sepet" (2004) dan "Muallaf" (2009). Filem-filem ini dipilih berdasarkan beberapa justifikasi. Pertama ialah resepsi kritis (*critical receptions*) atau sambutan yang diterima daripada para pengkaji serta pengkritik. Berbanding filem-filem lain, "Sepet" (2004) dan "Muallaf" (2009) didapati menerima paling banyak resepsi serta reaksi yang mengaitkan kedua-dua filem itu dengan Islam dan Pluralisme Agama (Rujuk Lamp. 4, hal. 51-53 & 57-58). Kedua, kedua-dua filem memang sedia menangani isu-isu berkaitan agama termasuk Pluralisme Agama. "Sepet" (2004) antara lain menceritakan tentang percintaan antara pasangan remaja berlainan bangsa dan agama, manakala "Muallaf" (2009) pula antara lain mengisahkan pengalaman watak-watak dengan agama masing-masing. Dengan kata lain, "Sepet" (2004) dan "Muallaf" (2009) dianggap mampu menawarkan bahan serta manifestasi berkaitan agama, khususnya Pluralisme Agama yang menjadi fokus kajian ini.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan sebagai usaha mendedahkan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam penerbitan dan pembikinan filem bahawa filem bukan sekadar medium hiburan bahkan juga berfungsi sebagai media komunikasi massa yang paling disukai dalam masyarakat. Oleh itu, filem mampu menyebarkan mesej berupa ideologi dan dengan mudah diserap masuk ke dalam masyarakat. Pihak penerbit dan pembikin filem seharusnya menggunakan ruang yang ada dalam penghasilan filem bagi menerap dan menyebarkan nilai-nilai dan ajaran-ajaran yang bertepatan dengan imej negara Islam. Kajian ini juga penting bagi menjelaskan kepada masyarakat bahawa filem kemampuan filem dalam mempengaruhi penonton. Justeru itu, masyarakat sebagai penonton sewajarnya mampu menjalankan proses penapisan sendiri sebelum menerima setiap maklumat yang disampaikan sama ada secara tersurat mahupun tersirat dalam sesebuah filem. Hasil kajian akan membantu meningkatkan kualiti filem tanah air melalui pendedahan cara penyampaian mesej secara sinematografi dalam filem-filem terpilih. Filem-filem Yasmin mempunyai kelebihan dari sudut bahasa filem yang telah digunakan. Oleh itu, penjelasan mengenai bahasa

filem yang digunakan di dalamnya boleh dijadikan panduan dan rujukan kepada pengarah dan pembikin filem dalam negara bagi meningkatkan kualiti produk industri filem tanah air. Seterusnya, sebagai sektor ketiga iaitu sektor perkhidmatan, perkembangan industri filem (industri kreatif), penayangan filem di negara-negara luar mampu membantu meningkatkan pendapatan negara. Selain itu, melalui pemaparan budaya yang betul dalam filem-filem Malaysia yang dibawa ke luar negara turut membantu mengangkat imej negara di mata dunia.





## RUJUKAN

- Al-Attas S.M.N. (1976). *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Al-Attas S.M.N. (1993). *The Meaning and Experience of Happiness in Islam*. (Terj. Oleh Muhammad Zainiy Uthman). Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al-Attas S.M.N. (1995). *Prolegomena To The Metaphysics Of Islam: An Exposition of The Fundamental Elements OF The Worldview of Islam*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- Al-Attas S.M.N. (2014). *Risalah Untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: IBFIM.
- Al-Attas S.M.N. (2014). *Islam And Secularism*. Kuala Lumpur: IBFIM.
- Al-Attas S.M.N. (2015). *Himpunan Risalah*. Kuala Lumpur: IBFIM.
- Al-Attas S.M.N. (2015). *On Justice And The Nature Of Man, A Commentary On Sūrah Al-Nisa' (4):58 And Sūrah Al-Mu'minūn (23):12-14*. Kuala Lumpur: IBFIM.
- Amir Muhammad. (2009). *Yasmin Ahmad's Films*. Petaling Jaya: Matahari Books.
- Anis Malik Thoha. (2005). *Tren Pluralisme Agama Tinjauan Kritis*. Jakarta: Perspektif Kelompok Gema Insani.
- Compact Oxford Dictionary, Thesaurus, and Wordpower Guide*. (2006). Great Clarendon Street: Oxford University Press.
- Elizatul Nastaysah Kamaruddin & Mohd. Zariat Abdul Rani. (2017). Wanita Menurut Taklif: Satu Analisis terhadap watak Fatimah dalam cerpen "Perempuan Gusti" dan "Fatimah Kahwin" Karya Hamzah Hussin. *MANU Jurnal Penataran Penataran Ilmu dan Bahasa*, 23-47.
- Hamka. (1975). *Tafsir Al-Azhar*. Yayasan NurullIslam.
- Hamka. (1980). *Tafsir Al-Azhar*. Surabaya. Yayasan Latimojong.
- Hamka. (1983). *Tafsir Al-Azhar*. Jakarta. Pustaka Panjimas.
- Hanita Mohd Mochtar Ritchie. 2011. *Negotiating Melodrama And The Malay Woman: Female Representation and the Melodramatic Mode in Malaysian-Malay Films from the Early 1990s – 2009*. Ph.D Thesis. Sekolah Kebudayaan Dan Seni Kreatif. The University of Glasgow.
- Harith Baharuddin, Ngo Sheau Shi. (2015). Pemaparan Kepelbagaian Budaya dan Agama dalam Filem Muallaf Arahan Yasmin Ahmad. *Wacana Seni*, 111-145.

- Haslina Ibrahim. (2014). Dari Kepelbagaian Agama Kepada Pluralisme Agama: Sejarah Perkembangan. Mohd Farid Mohd Shahrar. *Pluralisme Agama Satu Penelitian Islami* 11-42. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kavita Maheendran. (2014). *The Potrayal of Racial Harmony in Malaysian National Cinema: an Analysis of Yasmin Ahmad Films (2004-2009)*. Kota Damansara: Segi University.
- Khalif Muammar. (2009). *Atas Nama Kebenaran Tanggapan Kritis Terhadap Wacana Liberal*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA).
- Khalif Muammar. (2013). *Islam dan Pluralisme Agama*. Kuala Lumpur: Centre For Advanced Studies of Islam, Science and Civilisation (CASIS).
- Khalif Muammar. (2016). Kerangka Pemikiran Ahl al-Sunnah Wa al-Jama'ah Peranannya dalam Penyatuan Ummah. Nota Kuliah WISE,75-90.
- Khoo Gaik Cheng. (2009). Reading The Films Of Independent Filmmaker Yasmin Ahmad, Cosmopolitanism, Sufi Islam, and Malay Subjectivity. In M. G. Daniel P.S. Goh, *Race and Multiculturalism in Malaysia and Singapore* (pp. 108-123). Routledge: Routledge Malaysian Studies Series .
- Ku Seman Ku Hussain. (2009). Yasmin Ahmad Peneraju Filem Berwajah Malaysia. *Dewan Budaya*. 56-58.
- Lee Yuen Beng. (2015). Yasmin Ahmad: Auteuring a New Malaysian. *Wacana Seni*, 87-109.
- Mana Sikana. (2013). *Berdiri di Akar Diri: Kritikan Sastera Melayu Pascamoden*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Md. Asham Ahmad. (2017). *Kenapa Islam Menyanggah Pegangan Kaum Pluralis*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Mohd Farid Mohd Shahrar. (2014). Islam Dan Pluralisme Agama: Isu-Isu Akidah Semasa. Mohd Farid Mohd Shahrar. *Pluralisme Agama Satu Penelitian Islami* 43-74. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Mohd Farid Mohd Shahrar. (2015). The Meaning And Aim Of Religion in Islam: Lessons From Prof. Al-Attas' Thoughts. *A Companion To The Worldview of Islam, Course Material For WISE Summer School*. Kuala Lumpur: IBFIM.

- Mohd. Zariat Abdul Rani. (2008). Antara Taklif dan Paksi Naratif: Satu Analisis Terhadap Novel Salina Karya A. Samad Said Berdasarkan Persuratan Baru. Dalam Mohd. Affandi Hassan, Ungku Maimunah & Mohd Zariat Abdul Rani, *Gagasan Persuratan Baru Pengenalan dan Penerapan* (hlm. 318-353). Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu Universiti Kebangsaan Melayu
- Mohd. Zariat Abdul Rani. (2006). Wacana Seksualiti Insan dalam Novel Pujangga Melayu oleh Mohd. Affandi Hassan. *Sari (ATMA)*, 24, 121-159.
- Norman Yusoff. 2013. *Contemporary Malaysian Cinema Genre, Gender and Temporality*. Ph.D Thesis. Fakulti Seni dan Sains Sosial. The University Of Sydney.
- Rohani Hashim. (2009). Talentime Gilapan sentuhan Yasmin Ahmad. *Dewan Budaya*, 28-31.
- Zainuddin Hj. Idris & Nik Hasan Nik Abdullah. (2015). *Hujjat Allah Al-Balaghah Terjemahan dan Anotasi Juzuk I*. Kuala Lumpur: IIUM Press.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2015). The Metaphysical Worldview. *A Companion To The Worldview of Islam, Course Material For WISE Summer School* . Kuala Lumpur: IBFIM.
- Wan Suhaimi Wan Abdullah. (2015). The Nature Of Man And The Meaning Of Happiness: An Observation On Some Major Keywords. *A Companion To The Worldview of Islam, Course Material For WISE Summer School* . Kuala Lumpur: IBFIM.
- \_\_\_\_\_. (2012). *“Yasmin How You Know?”*. Kuala Lumpur: Leo Burnett-Arc Malaysia.

#### Media Alternatif

- Abd. Aziz Itar. (2005). Yasmin Ahmad- Bercakap Tentang Gubra. *Utusan Online*.  
[http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=0809&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Hiburan&pg=hi\\_03.htm#ixzz4oZ3CchTh](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=0809&pub=Utusan_Malaysia&sec=Hiburan&pg=hi_03.htm#ixzz4oZ3CchTh) © Utusan Melayu (M) Bhd diakses pada 30 Mei 2018.
- Adi Amzar & Zulkarnain. \_\_\_\_\_. Penilaian Konsep Taklif Dalam Novel Ketika Cinta Bertasbih Karya Habiburrahman El Shirazy. [https://www.academia.edu/24342802/Penilaian\\_Konsep\\_Taklif\\_Dalam\\_Novel\\_Ketika\\_Cinta\\_Bertasbih\\_Karya\\_Habiburrahman\\_El-Shirazy](https://www.academia.edu/24342802/Penilaian_Konsep_Taklif_Dalam_Novel_Ketika_Cinta_Bertasbih_Karya_Habiburrahman_El-Shirazy)
- Ajamihashim. (2009). MUALLAF ~ lukisan Yasmin Ahmad yang terakhir. <http://ajamihashim.blogspot.com/2009/12/muallaf-mengikis-erti-prejudis.html> diakses pada 30 Mei 2018.

- Alfian Sa'at. (2009). Why Yasmin Ahmad is so important to me. *The Online Citizen*. <https://www.theonlinecitizen.com/2009/07/31/why-yasmin-ahmad-was-so-important-to-me/> diakses pada 30 Mei 2018.
- Beh Chun Chee. The Potrayal of Multiculturalism in Malaysia National Cinema: A Case Study of Yasmin Ahmad's *Sepet*. (2004). <http://cct.pa.go.kr/data/acf2006/cinema/cinema-Session%201%20-%20Beh.pdf> diakses pada 30 Mei 2018.
- Bergan R. (2009, Ogos 12). The Guardian International Edition. *The Guardian*: <https://www.theguardian.com/global/2009/aug/12/obituary-yasmin-ahmad> diakses pada 30 Mei 2018.
- Bergan R. (2009). Leader of new Malaysian cinema Yasmin Ahmad. *The Sydney Morning Herald*. <https://www.smh.com.au/national/leader-of-new-malaysian-cinema-20090813-ejs3.html> diakses pada 30 Mei 2018.
- Budi Irawanto. Emancipating Desire, Empowering Fantasy: Cultural Politics Of Contemporary Cinema In Indonesia And Malaysia. (19 September 2014). <https://zapdoc.tips/emancipating-desire-empowering-fantasy-cultural-politics-of.html> diakses pada 30 Mei 2018.
- Ekky Imanjaya. (2014). *Belajar Dari Yasmin Ahmad*. Islam Indonesia. <https://islamindonesia.id/berita/belajar-dari-yasmin-ahmad-2.htm> diakses pada 30 Mei 2018.
- Farah Azalea Mohamed Al-Amin. 2008. Controversies Surrounding Malaysian Independent Female Director Yasmin Ahmad's First Film, *Sepet*. <http://artsonline.monash.edu.au/mai/files/2012/07/farahazaleamohamedalamin.pdf> diakses pada 30 Mei 2018.
- Hafidz Mahpar. (2013). Ali Mohamed leaves Leo Burnett, Yasmin Ahmad's Creative Partner Retires. *The Star Malaysia*. <http://www.pressreader.com/malaysia/the-star-malaysia/20130119/283111361348720> diakses pada 30 Mei 2018.
- IMDB*. (n.d.). [https://www.imdb.com/name/nm1379108/awards?ref\\_=nm\\_awd](https://www.imdb.com/name/nm1379108/awards?ref_=nm_awd) diakses pada 30 Mei 2018
- Jap Yia Hee. (2015). Help keep the Yasmin Ahmad Museum open. *Malaysia Kini*: <https://www.malaysiakini.com/news/319562>
- Kamil Maslih & Arif Nizam Abdullah. (2008). Muallaf Menyinggung Orang Islam. *Utusan Online*. [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=1207&pub=utusan\\_malaysia&sec=Hiburan&pg=hi\\_37.htm&arc=hive](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=1207&pub=utusan_malaysia&sec=Hiburan&pg=hi_37.htm&arc=hive) diakses pada 30 Mei 2018.
- Kanisius. (2012). Yasmin Ahmad "Sepet". *Kanikarnivora*. <https://kanikarnivora.wordpress.com/2012/11/11/yasmin-ahmad-sepet/> diakses pada 30 Mei 2018.

- Khairul nisaa. (2015). Ulasan Filem Talentime dari persektif etnik. <http://cucuremaja.blogspot.com/2015/06/ulasan-filem-talentime-dari-perspektif.html> diakses pada 30 Mei 2018
- Lee Yuen Beng. Yasmin Ahmad: Auteuring a New Malaysian Cinematic Landscape. ([http://eprints.usm.my/38735/1/Yasmin\\_Ahmad\\_-\\_Auteuring\\_a\\_New\\_Malaysian\\_Cinematic\\_Landscape\\_.pdf](http://eprints.usm.my/38735/1/Yasmin_Ahmad_-_Auteuring_a_New_Malaysian_Cinematic_Landscape_.pdf))
- Loghan Kumaran. (2014, Oktober 18). Yasmin Ahmad's legacy celebrated in eponymous Ipoh museum. *Malaymail*: <https://www.malaymail.com/s/765499/yasmin-ahmads-legacy-celebrated-in-eponymous-ipoh-museum#DrDDZ1SUXs0DXWh2.97>
- Louisa Devadason. (2016, September 2). Yasmin Ahmad: The Artful Trailblazer. *Leadereconomics.com*: <https://leadereconomics.com/personal/yasmin-ahmad-artful-trailblazer> diakses pada 30 Mei 2018.
- Michelle Tam. (2014). Google honours Yasmin Ahmad with special doodle, netizens pay tribute on late movie-maker's birthday. *Star Online*: <https://www.thestar.com.my/news/nation/2014/01/07/yasmin-ahmad-google-doodle/> diakses pada 30 Mei 2018.
- Mohd Arif Nizam Abdullah. Fenomena Seni Belasah Yasmin Ahmad. (26 April 2006). [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0426&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Hiburan&pg=hi\\_01.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0426&pub=Utusan_Malaysia&sec=Hiburan&pg=hi_01.htm) diakses pada 30 Mei 2018.
- Muzaffar Mustapa. (2014). Muzium khas abadikan kehidupan Yasmin Ahmad dibuka di Ipoh. *Astro Awani*: <http://www.astroawani.com/berita-hiburan/muzium-khas-abadikan-kehidupan-yasmin-ahmad-dibuka-di-ipoh-48451> diakses pada 30 Mei 2018.
- Nasz Ghaza. (\_\_\_\_). Film Review- Gubra by Yasmin Ahmad. [https://www.academia.edu/8539838/Film\\_Review\\_-\\_GUBRA\\_by\\_YASMIN\\_AHMAD](https://www.academia.edu/8539838/Film_Review_-_GUBRA_by_YASMIN_AHMAD) diakses pada 30 Mei 2018.
- Patrick Brzeski. (2014). Malaysian Filmmaker Yasmin Ahmad Gets a Google Doodle. *The Hollywood Reporter*: <https://www.hollywoodreporter.com/news/malaysian-filmmaker-yasmin-ahmad-gets-668805> diakses pada 30 Mei 2018.
- Pemudawilayah. (2006). Ulasan Filem Gubra yang sesat lagi menyesatkan- Faisal Tehrani. <https://dppwp.wordpress.com/2006/04/28/ulasan-filem-gubra-yang-sesat-lagi-menyesatkan/> diakses pada 30 Mei 2018.
- PonMan. (2009). Yasmin Ahmad: Karyawan Hebat Negara?. *PonMan Creative Mind*. <http://ponmancreative.blogspot.com/2009/08/yasmin-ahmad-karyawan-hebat-negara.html> diakses pada 30 Mei 2018.

- Predeep Nambiar. (2014). Google's doodle remembers Yasmin Ahmad. *Asia One*: <http://www.asiaone.com/malaysia/googles-doodle-remembers-yasmin-ahmad>. diakses pada 30 Mei 2018.
- Raja Khaidatun Asrin. (2016). Yasmin Ahmad, Storyteller. *New Straits Time*. <https://www.nst.com.my/news/2016/09/172449/yasmin-ahmad-storyteller> diakses pada 30 Mei 2018.
- Rosidah Syaukat & Ekky Imanjaya. Film sebagai Media *Social Marketing*: Yasmin Ahmad Berjualan Ide Multikulturalisme. (1 April 2011). <https://media.neliti.com/media/publications/167187-ID-film-sebagai-media-social-marketing-yasm.pdf> diakses pada 30 Mei 2018.
- Sicinski M. (2010). Mercy and Love, The populist optimism and humanistic Islam of Yasmin Ahmad's film. *Moving Image Source*. <https://www.google.com/search?q=Mercy+and+Love%2C+The+populist+optimism+and+humanistic+Islam+of+Yasmin+Ahmad%27s+film&ie=utf-8&oe=utf-8&client=firefox-b-ab> diakses pada 30 Mei 2018.
- Sultan Muzaffar. (2005). Sepet lahir atas lafaz kejujuran. <http://sultanmuzaffar.blogspot.com/2005/02/sepel-lahir-atas-lafaz-kejujuran-sudah.html> diakses pada 30 Mei 2018.
- Yasmin Ahmad. (Director). (2004). *Sepet* [Motion Picture].
- Yasmin Ahmad. (Director). (2008). *Muallaf* [Motion Picture].
- Yasmin Ahmad. (2004) The Interview. *The Storyteller*. <http://yasminthestoryteller.blogspot.com/2004/08/> diakses pada 30 Mei 2018.
- Yasmin Ahmad. (2004). A nation is nothing without the stories it tells about itself. *The Storyteller*. <http://yasminthestoryteller.blogspot.com/2004/08/> diakses pada 30 Mei 2018.
- Yasmin Ahmad. (2004). What kind of a film critic are you. *The Storyteller*. <http://yasminthestoryteller.blogspot.com/2004/09/> diakses pada 30 Mei 2018.
- Yasmin Ahmad. (2004). RABUN- notes from the writer/director. *The Storyteller* <http://yasminthestoryteller.blogspot.com/2004/08/> diakses pada 30 Mei 2018.
- Yasmin Ahmad. (2004). SEPET- notes from the writer/director. *The Storyteller*. <http://yasminthestoryteller.blogspot.com/2004/08/> diakses pada 30 Mei 2018.
- Yasmin Ahmad. (2009). Inshaallah, after "Wasurenagusa", it's a Singaporean film called "Go, Thaddeus!". *Yasmin The Storyteller Part 2*.

<http://yasminthefilmmaker.blogspot.com/2009/05/after-wasurenagusa.html> diakses pada 30 Mei 2018.

Yasmin Ahmad. (\_\_\_\_). *alchetron*: <https://alchetron.com/Yasmin-Ahmad> Diakses pada 30 Mei 2018.

Youtube. (2012). *Yasmin The Storyteller*. <https://www.youtube.com/watch?v=2hHiOs1Rpi4> diakses pada 30 Mei 2018.

Youtube. (2009). *Yasmin Ahmad Interview On Muallaf*. <https://www.youtube.com/watch?v=1DnQpczBREA> diakses pada 30 Mei 2018.

Youtube. (2015). *Interview with a Film Director: Yasmin Ahmad & Hassan Mutalib*. <https://www.youtube.com/watch?v=UgiVjy-SqL0> diakses pada 30 Mei 2018.

Youtube. (2013). *'Sepet' director Yasmin Ahmad (Pt 1)*. <https://www.youtube.com/watch?v=b9s4YTO5AuA>. Diakses pada 30 Mei 2018.

Youtube. (2011). *Yasmin Ahmad- A legendary person worth remembering*. <https://www.youtube.com/watch?v=e-ujGXT18BA&index=38list+RD2hHios1Rpi4> diakses pada 30 Mei 2018.

\_\_\_\_\_. *Yasmin Ahmad a True Inspiration*. <https://www.columnlife.com/index.php/biographies/item/45-yasmin-ahmad> diakses pada 30 Mei 2018.

\_\_\_\_\_. (2016). *The 6 Most Powerful Yasmin Ahmad Films To Watch. The Culture Trip*. <https://theculturetrip.com/asia/malaysia/articles/love-knows-no-boundaries-exploring-the-rhetoric-of-race-in-yasmin-ahmad-s-works/> diakses pada 30 Mei 2018.

\_\_\_\_\_. (2010). *Muallaf: Antara Tuduhan Pluralisme, Politeisme Dan Konsep Dakwah Sebenar*. *review-filem.blogspot.com*. <http://review-filem.blogspot.com/2010/05/muallaf-antara-tuduhan-pluralisme.html> diakses pada 30 Mei 2018.

\_\_\_\_\_. (2008). *Kontroversi: Apa Tujuan Yasmin Ahmad buat Muallaf*. <https://pinkturtle2.wordpress.com/2008/12/10/11343/> diakses pada 30 Mei 2018.

\_\_\_\_\_. (2011). *Muallaf menang Anugerah Kebudayaan 1Malaysia. Utusan Online*. [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1120&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Hiburan&pg=hi\\_23.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1120&pub=Utusan_Malaysia&sec=Hiburan&pg=hi_23.htm) diakses pada 30 Mei 2018.

## BIODATA PELAJAR

Nurul Atira Binti Tonya dilahirkan di Kota Belud, Sabah pada 12 Jun 1992. Beliau mendapat pendidikan awal di SK Limbang, Sarawak (1999-2004) dan SMK Limbang, Sarawak dalam aliran Sains Ekonomi (2005-2009), sebelum menyambung pengajian di peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia dalam pengkhususan Ekonomi/Geografi (2010-2011). Beliau kemudian melanjutkan pengajian di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (2012). Beliau berjaya menamatkan pengajian dalam bidang Bahasa dan Linguistik Melayu pada tahun 2016 dan menerima Bacheloer Sastera Bahasa dan Linguistik Melayu pada hujung tahun tersebut. Setelah menamatkan pengajian Bacheloer Sastera pada awal tahun 2016, beliau menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Master Sastera dalam bidang Pengajian Sastera dan Budaya di universiti yang sama. Dalam usaha untuk meningkatkan pemahaman beliau mengenai Pandangan Hidup Islam, beliau telah mengikuti kuliah Siri Pandangan Hidup Islam (WISE) anjuran Himpunan Keilmuan Muslim (HAKIM) pada tahun 2017.



## SENARAI PENERBITAN

Sepanjang tempoh pengajian, beliau telah menerbitkan satu artikel bertajuk “Manifestasi Islam Dalam Filem “Gubra” Arahan Yasmin Ahmad: Satu Analisa Menurut Kerangka Taklif” dalam Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Vol. 5, Bil. 2 (2018).





## UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

### PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : \_\_\_\_\_

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

---

---

---

NAMA PELAJAR : \_\_\_\_\_

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

\*sila tandakan (✓)

**SULIT**

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

**TERHAD**

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

**AKSES TERBUKA**

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

**PATEN**

Embargo \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_  
(tarikh) (tarikh)

**Pengesahan oleh:**

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pelajar)

No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa  
Penyeliaan)

Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini **SULIT** atau **TERHAD**, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]